



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Zon Utara

P.010 Kuala Kedah

Laporan Disediakan Oleh: Dr. Thanaraj Murudi



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.010 Kuala Kedah

Disediakan oleh:
Dr. Thanaraj Murudi



P.010 KUALA KEDAH

KATA ALUAN II

KATA PENGANTAR IV

PENGENALAN VI

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 2 – 10

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 14 – 20

1.1 Geografi/Topografi 14

1.2 Komposisi Penduduk 15

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 16

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 17

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 21 – 24

2.1 Pendekatan Kajian 21

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 23

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 23

2.4 Keterbatasan Kajian 24

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 25 – 34

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 35 – 115

4.1 Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu 35

4.2 Pengutamaan Isu 111

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK 116
PENYELESAIAN

6.0 RUJUKAN 117

KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya mengenal

pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Padang Besar

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.


PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejituan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

Pemetaan Isu di Zon Utara

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan

pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	KERJASAMA PENYELARASAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhrudin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr. Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr. Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr. Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr. Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	KERJASAMA PENYELARASAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr. Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHAH	PDT Batu Pahat	Dr. Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHAH	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	KERJASAMA PENYELARASAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Dr. Eva Kristin Larry Sait
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu
P.010 Kuala Kedah

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN KUALA KEDAH, YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

10 Jan - 12 Jan 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1 bersama Komuniti Kampung Alor Ganu, Kg. Alor Madi dan Kg. Kubang Teduh
2. FGD 2 bersama Komuniti Kampung Kuar Jawa

HARI 3

6. FGD 6 bersama Komuniti Kampung Kebun Pinang
7. FGD 7 bersama Komuniti Kampung Kuala Sala

HARI 2

3. FGD 3 bersama Komuniti Kampung Kuala Kuar
4. FGD 4 bersama Komuniti Kg. Telok Talipon
5. FGD 5 bersama Komuniti Nelayan Pantai

8. FGD 8 bersama Komuniti Kampung Banggol Wan Awang & Kampung Wan Ismail

PASUKAN PENYELIDIK



DR. THANARAJ MURUDI
(Ketua Penyelidik)



**NUR FARAH EZZATY
ABD AZIZ**



NUR SABRINA ZAFRI



ZARIZ FIRDAUS

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 10-12 JAN 2025 (JUMAAT - AHAD)

01



11 November 2024
Mesyuarat Awal

02



23 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan

03



23 Disember 2024
Mesyuarat Pra-lawatan

06



11 Januari 2025
FGD 3: Komuniti Kampung Kuala Kuar

05



10 Januari 2025
FGD 2: Komuniti Kampung Kuar Jawa

04



10 Januari 2025
FGD1: Komuniti Kampung Alor Ganu,
Kg. Alor Madi dan Kg. Kubang Teduh

07



11 Januari 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Telok Talipon

08



11 Januari 2025
FGD 5: Komuniti Nelayan Pantai

09



12 Januari 2025
FGD 6: Komuniti Kampung Kebun Pinang

11



12 Januari 2025
FGD 8: Komuniti Kampung Banggol Wan
Awang & Kampung Wan Ismail

10



12 Januari 2025
FGD 7: Komuniti Kampung Kuala Sala



11 NOVEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Nur Rahmah dan Dr. Thanaraj, telah mengadakan sesi perbincangan bersama YB Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi, Ahli Parlimen Kuala Kedah, bagi membincangkan pemetaan SDG di Kuala Kedah. YB Dr. Ahmad Fakhruddin telah bersetuju untuk melaksanakan pemetaan SDG di Kuala Kedah pada 10-12 Januari 2025.

Sebagai langkah seterusnya, YB turut bersetuju untuk memaklumkan Pegawai Daerah (DO) bagi memastikan kerjasama yang lancar semasa proses pemetaan.

23 DISEMBER 2024 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Mesyuarat pemprofilan bersama pegawai YB Kuala Kedah telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan aktiviti di kawasan tersebut. Dalam perbincangan ini, tarikh bagi Dialog Antara Agensi (IAD) dijadualkan pada 14 Januari atau 22 Januari. Mesyuarat ini bertujuan memastikan persediaan rapi untuk aktiviti yang dirancang, termasuk sesi perbincangan dan pemetaan isu komuniti.



23 DISEMBER 2024 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Sesi pra-lawatan bagi Parlimen Kuala Kedah telah diadakan melalui perjumpaan bersama Pegawai Daerah Kota Setar, Dato' Haji Hakim Ariff Md Noor, DSDK., SDK., AMK., BCK., serta Tn. Nurul Zaki Mohd Zainol (Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan). Kunjungan ini bertujuan untuk pembentangan mengenai APPGM-SDG dan sesi pemetaan isu di Parlimen Kuala Kedah. Dato' Haji Hakim Ariff menyambut baik inisiatif APPGM-SDG dan telah bersetuju untuk mempengerusikan Dialog Antara Agensi (IAD) yang dijadualkan pada 14 Januari atau 22 Januari 2024.



FGD 1: KOMUNITI KAMPUNG ALOR GANU, KOMUNITI KG. ALOR MADI DAN KOMUNITI KG. KUBANG TEDUH

YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin, Ahli Parlimen Kuala Kedah, dan YB ADUN Anak Bukit, Tn. Rashidi Razak, menghadiri perbincangan bersama Dr. Thanaraj, Nur Sabrina, Rakan Solusi En. Zariz Firdaus, serta komuniti Kg. Alor Ganu, Kg. Alor Madi, dan Kg. Kubang Teduh. Seramai 19 peserta telah terlibat dalam FGD 1. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** masalah banjir yang menyebabkan kerosakan hasil tanaman, penternakan ikan, dan udang galah; **(2)** ekonomi pengeluaran agromakanan berisiko akibat isu pemasaran; serta **(3)** masalah pembangunan infrastruktur iaitu jalan yang sempit dan tiada lampu jalan di sekitar kawasan kampung.



FGD 2: KOMUNITI KAMPUNG KUAR JAWA

FGD 2 telah berlangsung bersama komuniti Kg. Kuar Jawa. Seramai 22 peserta telah terlibat dalam FGD 2 yang diadakan. Isu utama yang dibangkitkan adalah; **(1)** peningkatan kos pengeluaran, seperti kenaikan harga baja, benih padi, racun perosak, dan kos upah; **(2)** masalah hakisan tebing sungai; serta **(3)** isu lumba haram dan pengambilan dadah dalam kalangan belia.



FGD 3: KOMUNITI KAMPUNG KUALA KUAR

FGD 3 telah berlangsung bersama komuniti Kg. Kuala Kuar yang bekerja sebagai nelayan dan pesawah. Seramai 16 peserta telah terlibat dalam FGD 3 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** masalah lesen nelayan tempatan; **(2)** isu pencerobohan yang berlaku antara zon; **(3)** isu keterjaminan makanan dari sumber protein; dan **(4)** isu perairan yang tersumbat di kalangan pesawah.



FGD 4: KOMUNITI KG. TELOK TALIPON

FGD 4 telah berlangsung bersama komuniti Kampung Telok Talipon, Kampung Seberang Kota dan Taman Kota Nelayan. Sebanyak 16 peserta telah terlibat dalam FGD 4 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** masalah sosial berkaitan penagih dadah dan lumba haram di kalangan belia; **(2)** kos sara hidup yang tinggi di kalangan ibu tunggal; dan **(3)** kesukaran dalam memperoleh pendapatan bagi nelayan.



FGD 5: KOMUNITI NELAYAN PANTAI

FGD 5 telah berlangsung bersama komuniti Kampung Nelayan Pantai. Seramai 26 peserta telah terlibat dalam FGD 5 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** isu air di kawasan kampung terjejas; **(2)** tiada pemutihan sistem untuk pembaharuan perlesenan kepada generasi ketiga nelayan untuk nelayan persisiran pantai; **(3)** penaiktarafan jeti kepada pengkalan; **(4)** kemahiran seperti permulaan untuk koperasi; dan **(5)** untuk menjaga kebersihan dan mempromosikan produk hasil laut dan produk hiliran.



FGD 6: KOMUNITI KAMPUNG KEBUN PINANG

FGD 6 telah berlangsung bersama komuniti Kampung Kebun Pinang. Seramai 14 peserta telah terlibat dalam FGD 6 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** harga barangan kos semakin tinggi; **(2)** kesukaran pembuangan sisa sampah hanya di beberapa kawasan sahaja; **(3)** infrastruktur seperti tiang lampu, lampu isyarat dan bonggol tiada di kawasan sekolah yang menyebabkan kesesakan lalu lintas serta kemalangan; dan **(4)** kesukaran mendapat bantuan kebajikan dan zakat serta info maklum balas di DUN Pengkalan Kundur.



FGD 7: KOMUNITI KAMPUNG KUALA SALA

FGD 7 telah berlangsung bersama komuniti Kg. Kuala Sala. Seramai 15 peserta telah terlibat dalam FGD 7 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** isu petani, di mana kenaikan harga barang menjejaskan kos sara hidup komuniti; **(2)** kesukaran mendapat subsidi daripada pihak kerajaan; dan **(3)** kekurangan infrastruktur dari segi lampu tiang serta lampu isyarat di simpang tiga ke Kuala Sala.



FGD 8: KOMUNITI KAMPUNG BANGGOL WAN AWANG & KAMPUNG WAN ISMAIL

FGD 8 telah berlangsung bersama komuniti Kampung Banggol Wan Awang dan Kampung Wan Ismail. Seramai 14 peserta telah terlibat dalam FGD 8 yang berlangsung. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** kenaikan harga racun, baja, penyewaan mesin jentera yang mahal bagi para pesawah; **(2)** pesawah tiada kemahiran lain selain pertanian padi; dan **(3)** kurangnya peluang pekerjaan untuk golongan belia disebabkan oleh persaingan dengan warga asing.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu
P.010 Kuala Kedah

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Kuala Kedah
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Kuala Kedah
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Ringkasan Isu 1
Jadual 13	Ringkasan Isu 2
Jadual 14	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Ikan Pekasam
---------	--------------

Senarai Singkatan

DUN	Dewan Undangan Negeri
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PN	Perikatan Nasional
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN

Parlimen Kuala Kedah merangkumi tiga (3) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Anak Bukit, DUN Kubang Rotan, dan DUN Pengkalan Kundor. Kawasan Parlimen ini meliputi keluasan sebanyak 233 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 172,099 orang. Berdasarkan statistik tahun 2020, kepadatan penduduk di kawasan ini dicatatkan sebanyak 739 orang per kilometer persegi, yang menunjukkan tahap urbanisasi sederhana.¹Dari segi komposisi jantina, terdapat keseimbangan yang jelas antara lelaki dan perempuan dengan nisbah 100 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Hal ini mencerminkan pembahagian demografi yang stabil dalam kalangan penduduk setempat.



**YB Dr. Ahmad
Fakhruddin bin
Fakhruddin**

Pada Pilihan Raya Umum ke-15, seramai 132,500 pemilih layak mengundi, termasuk pemilih baharu yang telah didaftarkan secara automatik hasil pelaksanaan sistem pendaftaran pemilih automatik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia. Jumlah ini mencerminkan peningkatan ketara dalam bilangan pemilih yang berpotensi menyumbang kepada proses demokrasi di kawasan Parlimen Kuala Kedah.²

Pada tahun 2022, Yang Berhormat (YB) Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) iaitu komponen parti dalam gabungan Perikatan Nasional (PN) telah berjaya memenangi kerusi Parlimen Kuala Kedah. Sehubungan itu, program pemetaan isu bagi tahun 2025 di Parlimen Kuala Kedah dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin.

1.1 Geografi/Topografi

Kawasan Parlimen Kuala Kedah terletak di barat laut negeri Kedah, menghadap Selat Melaka dan berada berhampiran dengan muara Sungai Kedah. Dari segi geografi dan topografi, kawasan ini terdiri daripada dataran rendah yang sebahagiannya merupakan kawasan pesisir pantai dan tanah pamah yang sesuai untuk aktiviti pertanian serta penempatan penduduk. Pekan Kuala Kedah yang terkenal sebagai sebuah perkampungan nelayan turut menjadi pusat ekonomi kecil-kecilan yang bergantung kepada hasil perikanan.

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia, *Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Kuala Kedah* (Putrajaya, Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

² Pusat Khidmat Parlimen Kuala Kedah (20 Disember 2024).

Selain itu, kawasan ini juga menempatkan beberapa elemen landskap semula jadi yang signifikan serta tapak warisan sejarah yang mempunyai nilai pelancongan.³ Peta kawasan Parlimen Kuala Kedah memberikan gambaran yang jelas mengenai sempadan, jaringan jalan raya, serta lokasi strategik pekan-pekan kecil di sekitar kawasan tersebut, termasuk laluan ke pusat bandar Alor Setar yang merupakan ibu negeri Kedah. Pemahaman terhadap aspek geografi dan topografi ini penting untuk perancangan pembangunan lestari serta pengurusan sumber yang lebih efektif.

Daerah Kota Setar merupakan kawasan pentadbiran bagi Parlimen Kuala Kedah. Parlimen Kuala Kedah terdiri daripada 15 mukim yang masing-masing mempunyai identiti dan kepentingannya tersendiri dalam aspek pembangunan sosial dan ekonomi. Berikut adalah senarai 15 mukim yang terletak di dalam Parlimen Kuala Kedah:

- | | |
|------------------------|-----------------------------|
| 1. Mukim Kuala Kedah | 9. Mukim Kampung Berjaya |
| 2. Mukim Alor Malai | 10. Mukim Kampung Gajah |
| 3. Mukim Alor Mengkudu | 11. Mukim Suka Menanti |
| 4. Mukim Padang Lumat | 12. Mukim Bandar Alor Setar |
| 5. Mukim Titi Gajah | 13. Mukim Langgar |
| 6. Mukim Sungai Korok | 14. Mukim Kota Setar |
| 7. Mukim Derang | 15. Mukim Bukit Pinang |
| 8. Mukim Hutan Kampung | |

Setiap mukim ini memainkan peranan penting dalam struktur pemerintahan daerah, dengan memberi fokus kepada kemajuan dalam sektor perindustrian, pertanian, serta pelancongan yang menjadi pemangkin utama pembangunan di kawasan ini.

1.2 Komposisi Penduduk

Komposisi penduduk di Parlimen Kuala Kedah menunjukkan kepelbagaian etnik yang mencerminkan keunikan sosial di kawasan tersebut. Berdasarkan data yang diperoleh dari Pusat Khidmat Parlimen Kuala Kedah, jumlah penduduk Bumiputera mencatatkan angka yang paling tinggi, iaitu sebanyak 133,428 orang atau 76.0 peratus daripada keseluruhan populasi. Golongan Cina pula terdiri daripada 39,563 orang, yang mewakili 22.6 peratus daripada jumlah penduduk, manakala kaum India mencatatkan jumlah seramai 1,928 orang atau 1.1 peratus. Golongan lain-lain, yang merangkumi pelbagai etnik minoriti, mencatatkan bilangan seramai 526 orang, atau 0.3 peratus. Perbezaan dalam komposisi etnik ini menunjukkan sebuah masyarakat yang pelbagai dan harmoni, yang mana setiap kaum memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan sosial, ekonomi, dan budaya di Parlimen Kuala Kedah.

³https://www.academia.edu/35489449/Membangunkan_Kuala_Kedah_sebagai_Destinas_i_Pelancongan_Warisan_Penerapan_Konsep_Pembangunan_Pelancongan_Lestari

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Kuala Kedah

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputra	133,428	76.0
2.	Cina	39,563	22.6
3.	India	1,928	1.1
4.	Lain-Lain	526	0.3
JUMLAH KESELURUHAN		175,445	100.0

Sumber: Pusat Khidmat Parlimen Kuala Kedah

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Kuala Kedah, yang terletak hanya 11 kilometer dari bandar Alor Setar, merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan aktiviti ekonomi yang menggabungkan sektor tradisional dan moden. Kedudukan strategiknya di pesisir pantai menghadap Selat Melaka dan berhampiran muara Sungai Kedah menjadikan kawasan ini pusat penting bagi industri perikanan dan pertanian, serta membuka peluang untuk pembangunan pelancongan. Sektor-sektor ini bukan sahaja menyokong ekonomi tempatan, malah turut mempelbagaikan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup penduduk.

- **Perikanan**

Sektor perikanan merupakan nadi utama ekonomi di Kuala Kedah, menyokong kehidupan komuniti nelayan tempatan yang bergantung kepada hasil laut dari kawasan pesisir dan muara Sungai Kedah. Aktiviti menangkap ikan dan pemprosesan hasil laut bukan sahaja menjadi sumber pendapatan langsung, tetapi juga menyumbang kepada rantai bekalan makanan melalui industri pemprosesan makanan laut. Inisiatif seperti pembenihan ikan dan udang galah oleh Jabatan Perikanan menunjukkan usaha untuk memastikan kelestarian sumber perikanan, yang seterusnya menyokong ketahanan ekonomi komuniti. Selain itu, sektor ini turut merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan melalui eksport hasil laut dan penyediaan bahan mentah untuk industri makanan.

- **Pertanian**

Pertanian, khususnya penanaman padi, memainkan peranan penting dalam ekonomi Parlimen Kuala Kedah. Kawasan tanah pamah yang subur menyokong pengeluaran padi, yang menjadi asas ketahanan makanan di peringkat tempatan. Selain padi, tanaman hortikultur seperti sayuran dan buah-buahan turut menyumbang kepada pendapatan penduduk. Usaha untuk meningkatkan produktiviti pertanian melalui teknologi moden dan amalan pertanian mampan, seperti penggunaan baja yang sesuai dengan pH tanah, telah membantu memastikan kelestarian sektor ini. Aktiviti pertanian ini bukan sahaja menyokong ekonomi mikro, tetapi juga memperkukuh hubungan sosial dan budaya masyarakat tempatan yang berakar umbi dalam tradisi pertanian.

- **Pelancongan**

Pembangunan pelancongan berasaskan warisan dan alam semula jadi semakin berkembang di Kuala Kedah, memanfaatkan tarikan seperti Kota Kuala Kedah, Makam Tok Pasai, dan landskap sawah padi yang indah. Sektor ini menyumbang kepada pemelbagaian ekonomi melalui penciptaan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan pelancongan, seperti restoran masakan laut, penginapan, dan aktiviti rekreasi. Sebagai pintu masuk ke Pulau Langkawi melalui laluan laut, Kuala Kedah berpotensi untuk menarik pelancong transit kekal lebih lama dengan menawarkan pengalaman pelancongan yang unik. Strategi pemasaran pelancongan yang berkesan dan pembangunan infrastruktur seperti Kuala Kedah Yacht Marina dapat memperkukuh kedudukan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan yang kompetitif.

Sektor Perkhidmatan dan Peruncitan

Sektor perkhidmatan dan peruncitan turut berkembang seiring dengan pertumbuhan penduduk dan pelancong di Kuala Kedah. Pekan kecil seperti Kuala Kedah dan kawasan berhampiran menyaksikan peningkatan aktiviti perdagangan, termasuk kedai runcit, restoran, dan perkhidmatan berkaitan pelancongan. Sektor ini menyokong ekonomi tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk, terutamanya golongan belia dan wanita, serta memenuhi keperluan pelancong dan penduduk setempat. Peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan ini mencerminkan potensi Kuala Kedah untuk terus berkembang sebagai hab ekonomi yang dinamik.

Kegiatan ekonomi utama di Parlimen Kuala Kedah merangkumi perikanan, pertanian, pelancongan, dan sektor perkhidmatan, yang kesemuanya saling melengkapi untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Sektor perikanan dan pertanian menyokong ketahanan makanan dan pendapatan penduduk, manakala pelancongan memanfaatkan warisan budaya dan alam semula jadi untuk menarik pelaburan dan pelancong. Sektor perkhidmatan pula menyokong pertumbuhan ekonomi mikro melalui peluang pekerjaan dan perdagangan. Dengan sokongan infrastruktur dan dasar yang sesuai, Kuala Kedah berpotensi untuk terus berkembang sebagai sebuah kawasan ekonomi yang dinamik dan mampan, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Kuala Kedah, terletak di barat laut negeri Kedah, merupakan kawasan pesisir yang kaya dengan sumber semula jadi dan warisan budaya. Dengan kedudukan strategik menghadap Selat Melaka dan berhampiran muara Sungai Kedah, kawasan ini menjadi pusat penting bagi aktiviti pertanian, perikanan, dan pelancongan warisan. Sektor-sektor

ini, termasuk penanaman padi, perikanan, akuakultur, dan tarikan seperti Kota Kuala Kedah serta Makam Tok Pasai, menyokong pembangunan mampan yang selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Berikut adalah penceritaan terperinci dengan susunan konteks yang menjurus kepada sektor pertanian, diikuti perikanan dan akuakultur, pelancongan, serta kerjasama komuniti, dengan hubungan kepada sasaran SDG yang spesifik.

Pertanian, khususnya penanaman padi, merupakan tunjang ekonomi utama di Parlimen Kuala Kedah, memanfaatkan kawasan tanah pamah yang subur. Landskap sawah padi yang luas, seperti yang dilihat dari Jambatan Tok Pasai, menyumbang kepada ketahanan makanan tempatan dan menyokong pendapatan petani. Aktiviti ini selari dengan **SDG 2: Sifar Kelaparan** melalui:

Sasaran 2.3: Menjelang 2030, mengandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil melalui akses kepada tanah, teknologi, dan pasaran.

Sasaran 2.4: Memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti sambil mengekalkan ekosistem.

Cabaran seperti peningkatan pH tanah, yang mengurangkan keberkesanan baja, memerlukan penyelesaian seperti penggunaan baja yang sesuai untuk meningkatkan hasil tanaman⁴. Cadangan untuk menaikkan harga lantai padi dari RM1,300 kepada RM1,800 menunjukkan keperluan sokongan dasar untuk meningkatkan pendapatan petani, selari dengan Sasaran 2.3. Pertanian juga menyokong **SDG 15: Kehidupan di Daratan** melalui pengurusan mampan ekosistem sawah padi:

Sasaran 15.1: Menjelang 2030, memastikan pemuliharaan, pemulihan, dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar dalaman.

Sektor perikanan, termasuk aktiviti menangkap ikan dan akuakultur seperti penternakan udang, merupakan nadi ekonomi Kuala Kedah, menyokong kehidupan komuniti nelayan di pesisir Selat Melaka dan muara Sungai Kedah. Sektor ini menyumbang kepada **SDG 2: Sifar Kelaparan** dan **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** melalui:

Sasaran 2.3: Mengandakan pendapatan nelayan melalui akses kepada teknologi dan pasaran.

⁴ Laporan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Kedah, 2025

Sasaran 2.4: Memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan, termasuk amalan akuakultur berdaya tahan.

Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar yang menyokong aktiviti produktif dan keusahawanan.

Sasaran 8.5: Mencapai pekerjaan penuh dan produktif untuk semua, termasuk golongan belia.

Selain itu, inisiatif pembenihan ikan dan udang galah oleh Jabatan Perikanan membantu memulihkan stok sumber perikanan selepas banjir, menyokong **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air:**

Sasaran 14.4: Menjelang 2030, mengawal selia penuaian hasil laut secara efektif dan memulihkan stok ikan untuk kelestarian.

Terdapat juga projek pembangunan Bandar Maritim, melibatkan kerjasama dengan syarikat China dan tanah tebus guna seluas 3,500 ekar bermula 2024, bertujuan memperkasa sektor perikanan.⁵ Projek ini perlu memastikan kepentingan nelayan tempatan dan ekosistem marin dipelihara, selari dengan **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air:**

Sasaran 14.2: Mengurus dan melindungi ekosistem marin dan pantai secara mampan.

Kuala Kedah juga menawarkan tarikan pelancongan seperti Kota Kuala Kedah, Makam Tok Pasai, dan Kuala Kedah Yacht Marina, yang mempromosikan warisan budaya dan keindahan alam semula jadi. Pada masa yang sama, Kota Kuala Kedah, sebagai simbol perjuangan sejarah negeri. Ini menyokong **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** dan **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** melalui pendidikan tidak formal tentang warisan budaya. Sasaran yang berkait adalah seperti:

Sasaran 11.4: Memperkukuh usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi.

⁵ RTM. (2023, June 2). *Projek Pembangunan Bandar Maritim di Kuala Kedah perlu jaga kepentingan nelayan tempatan*. Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/projek-pembangunan-bandar-maritim-di-kuala-kedah-perlu-jaga-kepentingan-nelayan-tempatan>

Sasaran 4.7: Memastikan pelajar memperoleh pengetahuan untuk mempromosikan pembangunan lestari melalui pendidikan tentang warisan budaya.

Pelancongan juga menyumbang kepada **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi:**

Penerapan konsep pelancongan lestari memastikan pemeliharaan sumber alam dan budaya, selari dengan **SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** dan seterusnya menyumbang kepada **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**. Antara sasaran SDG berkait adalah:

Sasaran 12.2: Mencapai pengurusan mampan sumber semula jadi.

Sasaran 8.9: Mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya serta produk tempatan.

Berdasarkan lawatan pemetaan isu dan perbincangan dengan YB Dr. Ahmad Fakhrudin bin Fakhrurazi, Ahli Dewan Undangan Negeri, dan pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar, pengukuhan industri mampan adalah penting untuk pembangunan ekonomi yang berterusan.⁶ Kerjasama komuniti melalui jawatankuasa tempatan untuk mempromosikan pelancongan dan akuakultur menyokong **SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat:**

Sasaran 17.17: Menggalakkan perkongsian awam, awam-swasta, dan masyarakat sivil untuk melaksanakan strategi pembangunan mampan.

Konteks tempatan Parlimen Kuala Kedah, dengan kekayaan sumber pertanian, perikanan, dan warisan budaya, menyokong pelbagai SDG melalui aktiviti ekonomi dan sosial yang mampan. Penanaman padi dan perikanan menyumbang kepada ketahanan makanan dan pertumbuhan ekonomi, manakala pelancongan warisan mempromosikan pendidikan dan pembangunan infrastruktur. Kerjasama komuniti dan sokongan dasar yang sesuai akan memastikan Kuala Kedah menjadi model pembangunan mampan yang memanfaatkan sumber tempatan sambil memelihara warisan budaya dan alam sekitar.

⁶ Laporan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Kedah, 2025.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

- **Kajian Awalan**

Kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu yang timbul. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian dalam kawasan tersebut.

- **Mesyuarat Awalan, Pra Lawatan dan Pengenalan Profil Kawasan Parlimen**

Mesyuarat awalan bersama YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin telah diadakan pada 11 Disember 2024 di Parlimen Malaysia untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB Dr. Ahmad Fakhruddin telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Kuala Kedah.

Pada 23 Disember 2024, Dr Thanaraj Murudi selaku Ketua Penyelidik Kuala Kedah dan Puan Nurul Syaza Maselan Penolong Pengarah Unit *Constituency Coordination* telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah Kota Setar Dato' Haji Hakim Ariff Bin Md Noor, DSDK., SDK., AMK., BCK. untuk memberi pengenalan APPGM-SDG dan tujuan pemetaan SDG di Parlimen Kuala Kedah di Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar. Turut hadir bersama ialah Encik Nurul Zaki bin Mohd Zainol selaku Ketua Penolong Pegawai Daerah Pembangunan. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk perbincangan Inter-Ageni Dialog bersama agensi-agensi kerajaan pada 21 Januari 2025 untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat. Selain itu, ketua penyelidik bersama pegawai khas Kuala Kedah Encik Shuhaimi telah mengadakan perbincangan mengenai profil kawasan Parlimen Kuala Kedah di Kafeteria Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar (*Rujuk Lampiran 1*).

- **Penglibatan Awam Melalui Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)**

Penglibatan awam melalui sesi perbincangan kumpulan berfokus, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

- Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Kuala Kedah.
 - Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.
 - Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Kuala Kedah.
- **Pengutamaan Isu**

Pengutamaan isu bagi kawasan Parlimen Kuala Kedah (P010) telah melibatkan perbincangan mendalam bersama Ahli Parlimen, YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin, yang turut dihadiri oleh YB ADUN Anak Bukit, Rashidi Razak. Sesi ini turut disertai oleh beberapa pegawai kanan yang terlibat, antaranya Encik Shuhaimi, serta pegawai daripada APPGM-SDG, iaitu Dr. Thanaraj, Cik Nur Farah Ezzaty, Cik Nur Sabrina, dan Encik Zariz Firdaus. Dalam pertemuan tersebut, beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian khusus telah dibincangkan, dengan fokus utama diberikan kepada keperluan pembangunan mampan dan pencapaian matlamat pembangunan lestari di kawasan tersebut.

Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Kuala Kedah adalah seperti berikut:

1. Dr Thanaraj Murudi : Ketua Penyelidik, Ketua Zon Utara
2. Nur Farah Ezzaty Abd Aziz : Pengarah Jabatan Pengurusan Projek
3. Nur Sabrina Zafri : Pembantu Penyelidik
4. Zariz Firdaus : Pembantu Penyelidik

Terdapat lapan FGD dan enam lawatan tapak yang telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di kawasan Parlimen Sabak Bernam. Tentatif ringkas lawatan tapak adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Tentatif ringkas program pemetaan isu di Parlimen Kuala Kedah

TARIKH	PERKARA
10 Januari 2025 , Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> ● Sesi Dialog 1: Komuniti Kg Alor Ganu, Komuniti Kg Alor Madi dan Komuniti Kg Kubang Teduh ● Sesi Dialog 2: Komuniti Kg Kuar Jawa
11 Januari 2025 , Sabtu	<ul style="list-style-type: none"> ● Sesi Dialog 3: Komuniti Kg Kuala Kuar ● Sesi Dialog 4: Komuniti Kg Telok Talipon ● Sesi Dialog 5: Komuniti Nelayan Pantai
12 Januari 2025 , Ahad	<ul style="list-style-type: none"> ● Sesi Dialog 6: Komuniti Kg Kebun Pinang ● Sesi Dialog 7: Komuniti Kg Kuala Sala

TARIKH	PERKARA
	<ul style="list-style-type: none"> Sesi Dialog 8: Komuniti Kg Banggol Wan Awang dan Kg Wan Ismail
13 Januari 2025 , Isnin	<ul style="list-style-type: none"> Pengutamaan Isu
21 Januari 2025 , Selasa	Sesi Dialog bersama agensi kerajaan (<i>Inter-Agency Dialogue</i>)
24 Februari 2025 , Isnin	Pembangunan Kapasiti bersama Agensi Kerajaan Daerah Kota Setar (<i>Capacity Building</i>)

- **Sesi Dialog Antara Agensi**

Sesi Dialog Antara Agensi bagi Parlimen Kuala Kedah telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar (PDT Kota Setar) pada 21 Januari 2025 jam 2.30 petang di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah Kota Setar, Dato' Haji Hakim Ariff Bin Md Noor, DSDK., SDK., AMK., BCK. Turut hadir dalam mesyuarat ini adalah Encik Nurul Zaki bin Mohd Zainol, Ketua Penolong Pegawai Daerah Pembangunan, serta Ketua Pegawai Maklumat (CIO), Encik Hafiz Hasri bin Khaludin. Sebanyak 30 agensi kerajaan turut hadir untuk memberi input kepada pemetaan isu di kawasan Parlimen Kuala Kedah. Antara agensi yang terlibat adalah dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Kesihatan, Pejabat MARA Daerah, Pejabat Perikanan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Daerah serta Penghulu Mukim. Selain itu, mesyuarat ini juga dihadiri oleh Ahli Parlimen Kuala Kedah, YB Dr. Ahmad Fakhrudin Bin Sheikh Fakhurazi, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Anak Bukit, YB Encik Rashidi Bin Razak, dan ADUN Pengkalan Kundor, YB Puan Mardhiyyah Binti Johari.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Kuala Kedah, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang proses pemetaan isu, terdapat satu kekangan telah dikenalpasti oleh ketua penyelidik. Kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan sesi Focus Group Discussion (FGD). Pada awalnya, kajian ini merancang untuk mengadakan dalam tiga kumpulan sesi FGD berasingan untuk mendapatkan pandangan dari dua kumpulan berbeza. Namun, peserta dalam satu sesi telah meminta supaya kedua-dua kumpulan

tersebut digabungkan dalam satu perbincangan. Permintaan ini menyebabkan ketua penyelidik terpaksa menyesuaikan format dan struktur sesi FGD agar dapat menampung perbincangan yang lebih besar dan lebih dinamik.

Untuk mengatasi kekangan ini, ketua penyelidik memutuskan untuk memecahkan sesi menjadi beberapa segmen perbincangan yang lebih kecil bagi memastikan setiap peserta dapat memberikan input yang lebih fokus dan teratur. Selain itu, lebih banyak fasilitator dilibatkan dalam sesi tersebut untuk memastikan proses perbincangan berjalan dengan lancar dan setiap suara didengari. Walaupun menghadapi cabaran dalam penyusunan semula sesi ini, pendekatan alternatif yang diambil dapat memastikan objektif kajian tetap tercapai tanpa mengorbankan kualiti perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

- **Tempoh Masa yang Terhad untuk Sesi FGD**

Salah satu limitasi utama dalam kajian ini ialah tempoh masa yang terhad untuk sesi Focus Group Discussion (FGD), yang hanya berlangsung selama dua jam. Tempoh masa yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara lebih mendalam atau mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut dan pengumpulan maklumat yang lebih mendalam terpaksa diketepikan. Walaupun alternatif lain seperti temubual individu atau kajian lebih lanjut dapat dicadangkan, namun kekangan masa menjadikan pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan dalam ruang waktu yang sama, mengakibatkan hasil kajian terbatas kepada maklumat yang diperolehi dalam tempoh yang singkat.

- **Kesukaran Menyertakan Semua Kumpulan Sasaran**

Limitasi lain yang dihadapi adalah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan dalam kajian. Walaupun usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai kumpulan, terdapat beberapa kelompok yang tidak dapat dijumpai atau didekati kerana faktor jarak, kekangan masa, atau kesukaran dalam komunikasi. Hal ini menyebabkan kajian terhad kepada sumber maklumat daripada kumpulan yang berjaya dijumpai sahaja, dengan mengabaikan perspektif penting daripada kelompok lain yang mungkin dapat memberikan pandangan berbeza atau lebih menyeluruh.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Banjir	Isu banjir di kawasan Parlimen Kuala Kedah adalah masalah yang sering berulang dan memberi kesan kepada kehidupan harian penduduk. Dengan kedudukannya yang berhampiran dengan pesisir pantai dan kawasan tanah rendah, Parlimen Kuala Kedah terdedah kepada banjir, terutama semasa musim hujan dan fenomena air pasang besar.	Ekonomi / Alam Sekitar	Penduduk Dun Anak Bukit Warga emas Kanak-kanak B40	Dun Anak Bukit Kampung Alor Madi	<p>SDG 1: Tiada Kemiskinan <i>Sasaran 1.5:</i> Membina daya tahan terhadap bencana alam, termasuk banjir, untuk melindungi komuniti miskin dan terdedah daripada kesan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang buruk.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari <i>Sasaran 11.5:</i> Mengurangkan jumlah kematian dan kerugian ekonomi akibat bencana, termasuk banjir, dengan fokus kepada perlindungan infrastruktur dan perkhidmatan asas.</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>Antara punca utama banjir termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi Tanah Rendah Kuala Kedah adalah kawasan yang terletak di tanah rendah berhampiran muara sungai dan laut. Ini menyebabkan kawasan tersebut mudah dinaiki air semasa hujan lebat atau air pasang besar. • Sistem Saliran yang Tidak Mencukupi Sistem saliran yang lama dan tidak diselenggara dengan baik menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir keluar dengan cekap. Saliran yang tersumbat akibat 				<p>Sasaran 11.6: Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar untuk daya tahan terhadap bencana alam.</p> <p>SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim Sasaran 13.1: Mengukuhkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap risiko berkaitan perubahan iklim, termasuk kejadian banjir.</p> <p>SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir.</p> <p>SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>sampah sarap dan lumpur memperburuk keadaan semasa hujan lebat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hujan Lebat dan Perubahan Iklim Perubahan iklim global meningkatkan kekerapan hujan lebat dan tempoh musim hujan yang lebih panjang, mengakibatkan banjir kilat di kawasan ini. • Fenomena Air Pasang Besar Air pasang besar sering berlaku di kawasan Kuala Kedah, terutama semasa musim tengkujuh, menyebabkan limpahan air laut ke 				air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>kawasan perkampungan dan bandar berhampiran.</p> <ul style="list-style-type: none"> Aktiviti Pembangunan Aktiviti pembangunan tanpa perancangan yang teliti, seperti penambakan tanah atau pembinaan tanpa sistem saliran yang sesuai, turut menyumbang kepada masalah banjir. Kelewatan menyiapkan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kelewatan menyiapkan projek RTB memberikan kesan utama kepada kejadian banjir di 				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kawasan Parlimen Kuala Kedah terutamanya di DUN Anak Bukit.				
2.	Pencemaran	<p>Isu pencemaran di kawasan Parlimen Kuala Kedah adalah masalah yang memberi kesan kepada persekitaran, kesihatan penduduk, dan ekosistem setempat. Pencemaran ini berpunca daripada beberapa aktiviti manusia serta faktor semula jadi, terutama di kawasan pesisir pantai dan kawasan pertanian.</p> <p>Pencemaran Air Limpahan air sisa domestik dari rumah-rumah yang tidak mempunyai sistem</p>	Sosial / Alam Sekitar	Nelayan Kehidupan marin Penduduk setempat Kuala Kedah	Sekitar jeti nelayan Pesisir pantai	<p>SDG 3: Kehidupan Sihat dan Kesejahteraan Sasaran 3.9: Mengurangkan kematian dan penyakit yang berpunca daripada pencemaran udara, air, dan tanah serta bahan kimia berbahaya.</p> <p>SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan sisa berbahaya, dan meningkatkan kitar semula serta penggunaan semula air.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>kumbahan yang baik. Pembuangan sampah dan sisa industri kecil secara terus ke sungai dan saliran. Aktiviti pertanian seperti penggunaan baja kimia dan racun perosak yang mencemari sungai dan saliran. Kesan: Kualiti air sungai dan laut merosot, menjejaskan habitat akuatik. Penduduk yang bergantung kepada air sungai atau laut untuk keperluan harian menghadapi risiko kesihatan. Ekosistem muara sungai, termasuk populasi ikan dan hidupan marin, terganggu.</p>				<p>Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan persekitaran negatif di bandar termasuk kualiti udara yang tercemar dan pengurusan sisa pepejal.</p> <p>SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab Sasaran 12.4: Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan sepanjang kitaran hayatnya dengan cara yang mesra alam untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.</p> <p>SDG 14: Kehidupan di Bawah Air Sasaran 14.1: Mengurangkan pencemaran laut, termasuk sisa plastik dan bahan pencemar dari aktiviti daratan.</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>Pencemaran Udara Punca: Pembakaran terbuka di kawasan pertanian, termasuk jerami padi selepas musim menuai. Asap dari enjin bot dan kenderaan lama yang menggunakan bahan api fosil. Asap kilang atau aktiviti industri kecil, walaupun tidak banyak kilang di kawasan ini.</p> <p>Pencemaran Laut dan Pantai Punca: Pembuangan plastik, jaring ikan, dan sisa domestik di kawasan pesisir pantai. Aktiviti nelayan yang tidak bertanggungjawab seperti pembuangan minyak enjin ke laut. Sampah dari</p>				<p>SDG 15: Kehidupan di Darat <i>Sasaran 15.1:</i> Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi.</p> <p>SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim <i>Sasaran 13.2:</i> Menggalakkan tindakan bersepadu untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan pencemaran berkaitan iklim.</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kawasan lain yang hanyut ke pantai melalui ombak dan arus laut. Kesan: Hidupan marin seperti ikan dan penyu terancam akibat tertelan plastik atau terperangkap dalam jaring. Kerosakan ekosistem pantai yang menjejaskan daya tarikan pelancongan.				
3.	Kemiskinan	Isu kemiskinan di kawasan Parlimen Kuala Kedah merupakan cabaran yang memerlukan perhatian serius. Kawasan ini, yang sebahagian besarnya meliputi kawasan luar bandar dan perkampungan nelayan, terkesan oleh beberapa faktor ekonomi, sosial, dan infrastruktur.	Ekonomi / Sosial	Penduduk setempat Belia B40	Sekitar Parlimen Kuala Kedah	SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.1: Menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2030 untuk semua orang di seluruh dunia, yang kini ditakrifkan sebagai hidup dengan kurang daripada USD 1.90 sehari. Sasaran 1.2: Mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua bentuknya untuk semua lelaki,

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>Faktor Penyumbang kepada Kemiskinan</p> <p>Komuniti nelayan bergantung pada perikanan, tetapi banjir dan persaingan pasaran mengehendkan pendapatan, meningkatkan risiko kemiskinan tanpa mempelbagaian ekonomi</p> <p>Peluang pekerjaan terhad, terutamanya untuk belia dan wanita, kerana kekurangan platform promosi produk tempatan, menyukarkan peningkatan ekonomi mikro</p> <p>Tahap pendidikan dan kemahiran rendah menghalang penduduk</p>				<p>wanita dan kanak-kanak, berdasarkan definisi nasional, menjelang 2030.</p> <p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem perlindungan sosial yang sesuai untuk semua, termasuk dasar perlindungan lantai, dan mencapai perlindungan yang meluas kepada golongan miskin dan mudah terjejas menjelang 2030.</p> <p>Sasaran 1.4: Memastikan semua orang, khususnya golongan miskin dan mudah terjejas, mempunyai akses yang sama kepada sumber ekonomi, perkhidmatan asas, pemilikan tanah, dan teknologi baharu menjelang 2030.</p> <p>Sasaran 1.5: Meningkatkan daya tahan golongan miskin dan mudah terjejas terhadap bencana alam,</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>daripada mengakses peluang pekerjaan moden, terutamanya dalam pemasaran digital dan keusahawanan</p> <p>Urbanisasi sederhana meningkatkan kos sara hidup, tetapi penduduk luar bandar sukar bersaing dalam pasaran kerja bandar, menyumbang kepada kemiskinan</p> <p>Saliran dan tebatan banjir yang tidak mencukupi menyebabkan banjir berulang, mengganggu pertanian dan perikanan, seterusnya menjejaskan pendapatan pendudu</p>				<p>krisis ekonomi, dan kejutan perubahan iklim.</p>

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kg. Alor Ganu, Komuniti Kg. Alor Madi Dan Komuniti Kg. Kubang Teduh Tarikh: 10 Januari 2025 (Jumaat) Bilangan peserta: 19 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Daerah 2. Pegawai Perikanan
1.	Peningkatan kos pengeluaran pertanian	<p>Ekonomi pengeluaran agromakanan berisiko disebabkan isu pemasaran.</p> <p>Kenaikan harga kos upah, serta pembelian racun dan baja, menyebabkan petani menghadapi kekangan dalam menjalankan aktiviti pertanian mereka. (Jalan Kampung Alor Madi)</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Penyelenggaraan Sungai Kedah tidak sistematik	<p>Aktiviti selenggara sungai yang masih lemah seperti kurangnya projek mengukuhkan tebing, pemangkasan pokok tebing sungai, dan projek mendalamkan sungai.</p> <p>Penyelenggaraan berkala masih kurang dilakukan di sepanjang sungai Kedah. Kejadian tebing runtuh</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>akibat hakisan sungai sering terjadi selepas banjir atau hujan lebat memberi ancaman keselamatan kepada penduduk. Hal ini disebabkan kurangnya projek-projek pengukuhan tebing contohnya seperti pemasangan batu konkrit/tiang dengan meluas. Kurangnya penyelenggaraan dari segi pemangkasan pohon-pohon besar di sepanjang rizab sungai menyebabkan ia tumbang ke dalam sungai yang sedia cetek menyebabkan aliran air menjadi tersekat dengan dahan pokok, sampah dan sebagainya.</p> <p>Keadaan ini membahayakan penduduk terutama para nelayan darat yang menggunakan bot untuk melalui dan menangkap hasil di kawasan sungai tersebut. Faktor sungai yang mudah melimpah ketika hujan lebat memerlukan intervensi penting seperti projek mendalamkan dasar sungai amat diperlukan segera. (Kg Alor Ganu, Kg Alor Madi dan Kg Kubang Teduh)</p>	
3.	Keperluan pembangunan infrastruktur	Sepanjang Jalan Kampung Alor Madi, tiada lampu jalan yang dipasang. Isu ini menyebabkan kesukaran bagi penduduk kampung untuk keluar	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	selamat dan mudah akses	<p>dan masuk ke kawasan kampung pada waktu malam.</p> <p>Keadaan jalan raya yang sempit di sepanjang Jalan Kampung Alor Madi. Kenderaan berat seperti lori dan kereta besar menyukarkan pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan kampung.</p>	
4.	Kesukaran untuk mengakses sokongan subsidi	<p>Peruntukan yang terhad untuk sokongan sosial.</p> <p>Warga emas mengalami kesukaran untuk mendapatkan subsidi kerajaan kerana hasil penuaian padi bergantung kepada keadaan hasil yang tidak menentu.(Jalan Kampung Alor Madi)</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
5.	Masalah banjir	Isu banjir merupakan masalah paling utama dialami penduduk Kg Alor Madi, Alor Ganu dan Kubang Teduh berpunca dari faktor geografi kedudukan kampung yang berada di lembaran sungai Kedah. Menurut peserta, kejadian banjir semakin kerap dan memburuk sejak kebelakangan ini. Sebagai contoh, banjir besar yang melanda pada pertengahan bulan September 2024 - Oktober 2024 (3-4 bulan) memusnahkan harta benda dan sektor ekonomi setempat (sawah) serta menjejaskan sejumlah 4,200 orang.	Masalah saliran yang dibincangkan merujuk kepada kejadian banjir yang berlarutan hampir sebulan, berpunca terutamanya daripada keadaan sungai yang semakin sempit dan tidak diselenggara dengan berkesan. Penyelenggaraan sungai didapati tidak dilaksanakan secara menyeluruh, khususnya dari segi pendalaman sungai, sebaliknya hanya tertumpu kepada pembersihan sampah. Keadaan ini diburukkan lagi oleh pemendapan sedimen tahunan akibat banjir serta pelupusan sisa pembersihan air dari kawasan Bukit Tiram ke dalam sungai, yang seterusnya mengurangkan kapasiti

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Berdasarkan maklumat peserta, tiga faktor besar menyumbang kepada masalah ini, pertama faktor iklim (musim tengkujuh) yang membawa hujan Monsun, faktor Rancangan Tebatan Banjir (RTB) iaitu projek Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan lebih air sungai ke laut yang masih tertangguh semenjak 2011 dan faktor keadaan sungai yang cetek akibat mendapan sedimen sejak sekian lama (Kg Alor Ganu, Kg Alor Madi dan Kg Kubang Teduh)</p>	<p>aliran air.Selain itu, kelewatan menyiapkan projek tebatan banjir, seperti Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di kawasan Anak Bukit, menyebabkan masalah banjir berulang setiap tahun. Tanpa langkah konkrit dan pelaburan yang mencukupi dalam pengurusan serta pemulihan sungai, masalah ini sukar ditangani secara berkesan. Kesan banjir juga didapati lebih tertumpu di kawasan pinggir sungai, sehingga memaksa sebahagian penduduk berpindah berulang kali, manakala kawasan lain yang jauh dari sungai kurang terjejas. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pendekatan pengurusan sungai yang lebih komprehensif dan berterusan. (Tuan Pegawai Daerah)</p> <p>Walaupun kekangan bajet merupakan antara isu yang sering dibangkitkan, pendekatan pengurusan tidak seharusnya bergantung kepada faktor kewangan semata-mata. Sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sungai, JPS perlu melaksanakan kajian yang menyeluruh dan sistematik bagi mengenal pasti lokasi, laluan serta bahagian sungai yang sempit dan berisiko. Pendekatan ad hoc perlu dielakkan, sebaliknya</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			digantikan dengan kerja-kerja tinjauan lapangan, penyediaan laporan teknikal dan penyelidikan berasaskan data. Isu banjir bukanlah fenomena baharu atau berlaku secara tiba-tiba, sebaliknya telah berlarutan sejak lebih 30 tahun lalu. Oleh itu, kebergantungan kepada tindakan berulang setiap tahun tanpa penyelesaian jangka panjang perlu dihentikan, dan langkah strategik yang lebih berkesan perlu dilaksanakan- Tuan Pegawai Daerah
6.	Kelemahan pengurusan sisa menyebabkan pencemaran sungai	Masalah pengurusan sisa di sekitar kawasan Sungai Alor. Keadaan sungai yang kotor berpunca daripada ketiadaan pemungut sampah dan beberapa ranting pokok mati turut tumbang ke dalam sungai menyebabkan lagi air sungai kotor.	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
7.	Aktiviti tuba ikan menjejaskan ekosistem marin sungai Penguatkuasaan pihak kerajaan (Jabatan	Isu tuba ikan seperti penggunaan racun atau bom di Sungai Kedah. Kurangnya pemantauan pihak berwajib sehingga ada pihak tidak bertanggungjawab menuba atau menangkap hasil sungai dengan cara menumpahkan racun/bom air untuk menangkap hasil sungai secara besar-besaran. Akibatnya,	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Perikanan/polis) kurang memuaskan	jumlah ikan/benih sungai Kedah menyusut dengan teruk.	
8.	Struktur tanah tidak stabil menyebabkan tanah jerlus / mendap	<p>Hakisan sungai melemahkan struktur tanah tebing sungai, dan tanah jerlus.</p> <p>Pergerakan air pasang surut dan penyaluran air ke saluran pertanian menyebabkan hakisan tebing dan membawa kepada mendapan tanah. Mendapan tanah menyebabkan kerosakan permukaan jalan raya di sepanjang sungai dan memberi ancaman keselamatan kepada pengguna.</p>	Selain kerja mendalamkan sungai, langkah mitigasi banjir perlu merangkumi pelaksanaan dan penyelenggaraan projek penahan tebing bagi mengawal aliran air yang deras. Kerosakan infrastruktur seperti jalan terputus sering berulang kerana kerja penurapan semula sahaja tidak menyelesaikan punca masalah apabila banjir seterusnya berlaku. Oleh itu, perancangan tebatan banjir pada skala kecil yang praktikal perlu dilaksanakan secara bersepadu, khususnya melalui pembinaan penahan tebing yang berkesan dan berterusan. (Tuan Pegawai Daerah)
9.	Halangan akses ke Sungai Kedah	<p>Pembinaan RTB sungai Kedah, Anak Bukit bakal menghalang akses penduduk ke sungai asal.</p> <p>Menurut penduduk setempat, setelah siapnya pembinaan projek RTB Anak Bukit kelak ia akan menghalang pergerakan penduduk khususnya nelayan Kg Alor Madi & Alor Ganu menggunakan perahu/bot untuk ke sungai asal (sungai Kedah). Justeru penduduk memohon kepada pihak berwajib untuk membuat pintu akses bersesuaian</p>	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>agar nelayan tidak terputus jalan sungai dan dapat meneruskan aktiviti perikanan disepanjang sungai seperti biasa</p>	
10.	Pendapatan pertanian padi rendah	<p>Aktiviti pertanian padi terjejas akibat banjir, peningkatan kos pertanian dan hasil penjualan yang merugikan.</p> <p>Sektor pertanian setempat terjejas teruk apabila banjir menenggelamkan sawah padi mereka. Ia diburukkan lagi dengan masalah kenaikan input pertanian seperti kenaikan harga benih, ketidaksesuaian racun dan serangan penyakit. Hasil jualan padi juga tidak menguntungkan kerana pengilang membeli pada harga rendah untuk setiap tan pengeluaran iaitu sekitar RM1,300 ke RM1,400 sahaja. Hal ini menyebabkan pendapatan mereka menjadi sangat rendah dan kadangkala terpaksa berhutang apabila musim tuaian tidak berhasil.</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p>
11.	Pembenihan ikan sungai kurang	<p>Bantuan pelepasan benih ikan utama seperti ikan Lampam & Udang Galah dari Jabatan Perikanan.</p> <p>Penduduk ingin menjadikan sektor perikanan sebagai sumber perekonomian baru namun mengalami kekurangan sumber kerana hasil sungai</p>	<p>Apabila berlaku banjir, ikan dan udang galah di sungai akan dihanyutkan arus ke kawasan muara, menyebabkan pengurangan sumber akuatik di kawasan terjejas. Oleh itu, bagi memulihkan dan mengekalkan kelestarian sumber perikanan sungai, program pembenihan dan pelepasan benih ke</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Kedah adalah bermusim dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk. Saranan penduduk adalah untuk kerajaan menambah kekerapan perlepasan benih-benih ikan ke dalam sungai dan dilakukan secara berkala agar populasi ikan sedia ada bertambah. Ini dapat merancakkan ekonomi dan membuka peluang pendapatan berasaskan perikanan selain pertanian padi. (Kg Alor Ganu, Kg Alor Madi dan Kg Kubang Teduh)</p>	<p>perairan umum dilaksanakan secara berterusan setiap tahun. Pelaksanaan program ini memerlukan peruntukan kewangan bagi penyediaan benih dan pelepasan di lokasi sungai yang dikenal pasti. (Pegawai Perikanan)</p> <p>Pembenihan dilaksanakan berasaskan spesies ikan asli yang sedia ada di sesuatu sungai, selaras dengan habitat semula jadinya. Sebagai contoh, sekiranya sungai tersebut merupakan habitat udang galah, maka aktiviti pembenihan udang galah akan dijalankan di kawasan tersebut bagi memastikan kesesuaian ekologi serta kelestarian sumber akuatik. (Pegawai Perikanan)</p>

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg. Kuar Jawa Tarikh: 10 Januari 2025 (Jumaat) Bilangan peserta: 22 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pegawai Pertanian
1.	Racun sawah padi tidak berkualiti dan bersesuaian	<p>Racun subsidi tidak sesuai, tidak cukup dan perlu beli sendiri meskipun mahal.</p> <p>Pembekalan racun subsidi dari kerajaan tidak begitu sesuai dan efektif dengan keperluan semasa aktiviti pertanian sesuatu musim. Sebagai contoh, petani terpaksa membeli racun tambahan walaupun harganya mahal apabila racun diberi jabatan pertanian/MADA tidak berupaya mematikan jenis rumpai yang tumbuh.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Kos dan kualiti benih padi semakin tinggi	<p>Harga benih naik sehingga 45% dan tidak berkualiti.</p> <p>Kos mendapatkan benih padi telah meningkat sedangkan kualiti benih pula tidak berubah. Sebagai contoh, dahulu harga benih cuma RM35 namun telah meningkat kepada RM55 minima iaitu sekitar 45 peratus peningkatan untuk satu beg. Selain itu, jenis benih yang dibekalkan juga seringkali kurang menjadi/tidak berkualiti. Masalah</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>pertumbuhan rumpai dan kewujudan padi angin juga semakin ketara setelah menggunakan benih-benih tersebut.</p>	
3.	Ketiadaan inovasi baja padi	<p>Penggunaan baja jenis sama sejak puluhan tahun / tiada pembaharuan teknologi baja.</p> <p>Kadar pengeluaran hasil padi adalah tidak banyak berubah mungkin didorong oleh kurangnya pembuatan baja baru atau inovasi dari segi teknologi baja yang lebih berkualiti. Pembuatan baja baru adalah penting supaya ia membantu ke arah penghasilan beras lebih banyak dan optimum.</p>	<p>Isu keberkesanan baja bukan berpunca daripada kualiti atau jenis baja yang digunakan, sebaliknya disebabkan oleh peningkatan nilai pH tanah. Walaupun baja seperti urea atau baja campuran (15:13) adalah sesuai dan tidak bermasalah, perubahan sifat kimia tanah, khususnya peningkatan pH, menyebabkan keberkesanan baja tersebut berkurangan walaupun baja yang sama digunakan. (Pegawai Pertanian)</p>
4.	Pelarasan harga jualan padi yang rendah	<p>BERNAS isytihar harga belian rendah manakala kilang persendirian pula bermain harga. Ketiadaan harga siling tetap.</p> <p>Ketiadaan harga siling menyebabkan harga jualan padi rendah sebagai contoh pihak kilang persendirian akan membeli harga yang dikatakan lebih tinggi dari nilai harga siling yang ditetapkan untuk menyimpan stok namun akan mengikut semula harga Bernas yang rendah sekitar RM1300 ke RM1400 sahaja satu tan. Harga yang tidak menentu/rendah ini menyebabkan petani tidak</p>	<p>Bab ini membincangkan isu subsidi serta penetapan harga padi. Harga lantai padi ditetapkan pada RM1,300, berbanding RM1,800 pada musim sebelumnya. Ditekankan kepentingan pihak Rentas Parlimen berunding dengan kementerian berkaitan bagi mempertimbangkan kenaikan harga siling atau harga lantai padi. (Pegawai Pertanian)</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dapat menampung kos input seperti kos baja, racun, benih, upah meracun, membajak dan sebagainya yang semakin meningkat.	
5.	Merempit dalam kalangan remaja	<p>Kehadiran remaja berlumba motor di kawasan kampung.</p> <p>Masalah rempit telah berlaku sudah lama di kawasan kampung. Kebanyakan pelumba haram ini adalah penduduk luar dan akan mula berlumba pada lewat malam (11 pm ke atas) dan ia mengganggu ketenteraman penduduk yang rata-ratanya adalah warga emas. Meskipun rondaan dibuat tetapi situasi masih tetap berlaku.</p>	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
6.	Jalan rosak akibat mendapan tanah	<p>Berlaku mendapan tanah di sekitar tebing sungai kampung menyebabkan jalan rosak.</p> <p>Jalan raya bersebelahan sungai banyak mengalami kerosakan seperti berlubang, beralun dan pecah kerana mendapan tanah.</p>	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Kg Kuala Kuar Tarikh: 11 Januari 2025 (Sabtu) Bilangan peserta: 16 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 1 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Perikanan
1.	Sektor kerjaya perikanan sukar kerana tiada lesen	<p>Terdapat kira-kira 60 orang nelayan di Kampung Kuala Kuar, yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu. Namun, hanya 4 orang nelayan yang memiliki lesen sah. Kekurangan lesen menyebabkan nelayan tersebut tidak layak menerima bantuan serta subsidi daripada kerajaan. Beberapa nelayan yang telah lama berkhidmat, walaupun memiliki lesen, namun tiada bot untuk melaksanakan aktiviti perikanan, enggan membatalkan lesen mereka kerana masih mengharapkan bantuan daripada kerajaan.</p> <p>Lesen nelayan dianggap penting kerana ia dapat membantu meningkatkan kesejahteraan nelayan melalui pemberian insentif, subsidi minyak, serta bantuan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Walaupun ramai nelayan memohon lesen, mereka tidak menerima maklum balas sehingga bertahun-tahun lamanya. Menurut</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>nelayan yang mempunyai lesen, sekiranya permohonan lesen mereka diluluskan, cop "diterima" akan dicatatkan pada borang permohonan mereka.</p>	
		<p>Nelayan juga meluahkan rasa kecewa terhadap Jabatan Perikanan dan LKIM kerana tiada pemantauan yang dilaksanakan di lapangan. Hal ini menyebabkan kebajikan nelayan tidak terjaga, seterusnya memberi impak negatif terhadap kehidupan dan sumber pendapatan mereka.</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>
2.	<p>Kekurangan penguatkuasaan terhadap pencerobohan perikanan tempatan dan asing</p>	<p>Pencerobohan sering berlaku di perairan Zon C1, C2, dan B, dengan kejadian paling kerap dilaporkan di Zon A, yang merupakan kawasan penting untuk pembiakan ikan. Pencerobohan ini berlaku hampir setiap hari, baik siang mahupun malam. Kebanyakan bot yang terlibat adalah bot tempatan, namun pekerja yang mengoperasikan bot tersebut adalah pekerja asing.</p> <p>Punca utama berlakunya pencerobohan ini adalah kurangnya penguatkuasaan daripada pihak Maritim. Walaupun pihak Maritim turun untuk menjalankan pemantauan, mereka hanya melakukan rondaan sekali sebulan, tanpa sebarang</p>	<p>Kehadiran jeti haram bukan sahaja berlaku di Kuala Kedah, tetapi turut menjejaskan komuniti pesisir lain seperti Kuala Sala. Penduduk tempatan yang bergantung kepada aktiviti nelayan untuk memperoleh sumber pendapatan menghadapi isu yang serupa. Pola kemasukan hasil laut melalui laluan tidak sah ini menunjukkan wujudnya corak masalah yang konsisten, yang memerlukan pendekatan strategik dan tumpuan kepada titik-titik kritikal kemasukan tersebut. (Jabatan Perikanan)</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>tindakan lanjut. Beberapa aduan telah dibuat oleh nelayan mengenai pencerobohan ini, namun mereka diberitahu bahawa bot laju pihak Maritim kekurangan bekalan minyak untuk melaksanakan rondaan. Nelayan merasa alasan tersebut tidak munasabah dan tidak dapat diterima, kerana mereka menganggap ia tidak menyelesaikan masalah pencerobohan yang berlarutan.</p> <p>Akibat daripada pencerobohan ini, jumlah ikan semakin berkurang, menyebabkan pendapatan nelayan turut merosot. Dahulu, nelayan mampu memperoleh antara 30 kg hingga 100 kg ikan, namun kini jumlah tangkapan mereka hanya sekitar 5 kg hingga 6 kg sahaja.</p> <p>Bagi meningkatkan hasil tangkapan ikan, para nelayan mencadangkan pembuatan tukun tiruan. Namun, disebabkan ketiadaan bantuan daripada pihak berwajib, para nelayan juga terpaksa membina tukun tiruan tersebut secara sendiri tanpa sokongan luar.</p>	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Infrastruktur jeti yang usang	Jeti di kawasan tersebut dibina atas inisiatif para nelayan sendiri, menggunakan tayar-tayar terpakai. Walaupun aduan telah dibuat mengenai keadaan ini, tiada sebarang maklum balas atau bantuan yang diterima daripada pihak berwajib.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
4.	Kos tinggi dalam menyelenggarakan peralatan memancing	Pukat rentang untuk menangkap ketam berharga sekitar RM1,000. Harga ini melebihi kemampuan sebahagian besar nelayan, menyebabkan mereka sukar untuk memperoleh peralatan tersebut.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kg Telok Talipan			Agensi yang memberikan respon:
Tarikh: 11 Januari 2025 (Sabtu)			1. Pegawai Daerah
Bilangan peserta: 16 peserta			2. AADK
Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			
1.	Pembangunan belia terjejas kerana gejala sosial yang melibatkan golongan belia	<p>Golongan belia di kawasan ini juga terlibat dalam masalah penagihan dadah dan kegiatan merempit, termasuk beberapa pelajar sekolah. Aktiviti merempit ini mengganggu ketenteraman penduduk setempat. Walaupun aduan telah dibuat dan pihak polis melakukan rondaan, masalah ini masih berterusan.</p> <p>Kegiatan merempit ini tidak hanya membahayakan nyawa, tetapi para pelaku juga tidak menunjukkan kesedaran atau insaf. Pihak polis sering melakukan rondaan pada waktu malam untuk membendung masalah ini. Aktiviti merempit ini turut terjadi oleh kehadiran individu dari luar kawasan, seperti dari Pulau Pinang, Perlis, dan kawasan sekitar Kuala Kedah.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
2.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan	Berdasarkan pengalaman peserta, agihan bantuan yang diberikan dikatakan tidak mengikut kriteria	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kerajaan, bantuan dan subsidi	<p>kelayakan penerima bantuan seperti yang dianjurkan oleh pihak berwajib.</p> <p>Sebahagian besar penerima bantuan adalah mereka yang menetap di kawasan bandar atau pekan. Contohnya, jika seorang ibu tunggal yang tinggal di kawasan bandar mempunyai tiga orang anak, kesemua anaknya akan menerima bantuan. Namun, bagi ibu tunggal yang tinggal di kawasan luar bandar, hanya seorang sahaja yang dipilih untuk menerima bantuan daripada setiap isi rumah, walaupun mereka juga mempunyai lebih daripada seorang anak. Perbezaan dalam pengagihan bantuan ini menyebabkan golongan ibu tunggal di luar bandar merasa terpinggir dan kurang mendapat perhatian yang sewajarnya.</p>	
3.	Implikasi sosial dan ekonomi terhadap golongan ibu tunggal yang kurang diberi perhatian.	Di kawasan ini, sekitar 40% penduduknya terdiri daripada golongan ibu tunggal. Malangnya, golongan ini tidak mendapat bantuan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Meskipun mereka menghadapi cabaran besar dalam menanggung kehidupan keluarga seorang diri, terutama dalam memenuhi keperluan asas dan pendidikan anak-anak, mereka seringkali terlepas	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan. Peserta turut menyatakan bahawa kebanyakan bantuan yang tersedia lebih banyak disalurkan kepada golongan yang menetap di pekan atau bandar, sedangkan ibu tunggal di kawasan luar bandar seperti disini jarang sekali mendapat perhatian.</p> <p>Bantuan yang dimaksudkan termasuk bantuan kewangan dan bantuan pendidikan untuk anak-anak. Para ibu tunggal ini mengeluh kerana mereka tidak mampu untuk memenuhi keperluan harian dengan pendapatan yang terhad. Dalam hal ini, kekurangan informasi dan bantuan yang teratur menyukarkan mereka untuk keluar dari kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup.</p>	
4.	Pelarian dan pendatang yang telah menyebabkan ketegangan sosial dengan penduduk tempatan	Pembinaan penempatan haram. Terdapat ramai pendatang luar yang datang ke kawasan ini dan membuat penempatan secara sendiri tanpa kelulusan yang sah. Mereka mendirikan rumah secara haram di tanah yang tidak mempunyai hak milik atau izin daripada pihak berkuasa. Sesetengah individu ini telah bertahun-tahun menetap di atas penempatan haram tersebut,	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>tanpa sebarang tindakan penguatkuasaan diambil. (Kg. Seberang Kota, Kg Seberang Alor, Kg Baru, dan Kg Bakar Kapur)</p>	
5.	Kekurangan akses kepada bekalan air bersih dan dirawat	<p>Gangguan bekalan air. Di kawasan ini, masalah gangguan bekalan air sering berlaku. Apabila isu ini timbul, ia biasanya mengambil masa sehingga tiga hari untuk diselesaikan. Walaupun aduan telah dibuat, tiada maklum balas atau tindakan yang diambil oleh pihak berwajib. Seharusnya, pembinaan tangki air yang mencukupi perlu dilaksanakan untuk menampung keperluan bekalan air di kawasan taman ini. Meskipun banyak taman dibina, tetapi kapasiti tangki air yang ada tidak mencukupi untuk menampung permintaan penduduk, terutamanya pada musim-musim tertentu terutamatanya pada msuim perayaan.</p> <p>Masalah gangguan bekalan air ini sering kali berlaku semasa musim perayaan seperti Hari Raya, yang memberi impak besar kepada penduduk. Pihak berwajib juga tidak membuat pengumuman awal mengenai kemungkinan berlakunya gangguan bekalan air, menyebabkan penduduk dan peniaga terkejut dan terkesan. Bagi peniaga, gangguan</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>bekalan air memberi kesan yang ketara terhadap operasi perniagaan mereka, kerana air adalah sumber penting dalam menjalankan aktiviti harian.</p> <p>Akibat gangguan bekalan air yang kerap ini, setiap rumah terpaksa bergantung kepada pam air sendiri untuk memastikan kelangsungan hidup. Ini menambah beban kewangan bagi keluarga yang terpaksa membeli atau memasang pam air, kerana bekalan air yang tidak stabil. Situasi ini menyebabkan penduduk berasa tertekan, terutamanya pada musim perayaan atau ketika bekalan air terputus dalam tempoh yang panjang. (Taman Kota Nelayan)</p>	
6.	Masalah banjir disebabkan oleh pencemaran	Terdapat banyak sampah yang tersumbat di dalam longkang, menyebabkan aliran air terhalang dan meningkatkan risiko banjir serta masalah kesihatan. Walaupun penduduk telah mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan longkang, tidak semua penduduk memberikan kerjasama sepenuhnya. Beberapa penduduk kurang peka terhadap tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan kawasan. (Taman Kota Nelayan)	Terdapat situasi di mana penduduk tempatan kurang berminat untuk terlibat dalam aktiviti komuniti seperti gotong-royong, menyebabkan tanggungjawab ini lebih banyak dipikul oleh agensi-agensi tertentu. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengubah mindset penduduk agar mereka lebih proaktif, sambil menekankan bahawa penglibatan aktif (engagement) tetap perlu dijalankan oleh pihak berkenaan. (Tuan Pegawai Daerah)

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	<p>Isu kebersihan awam</p> <p>Ketiadaan penyelenggaraan perparitan/ longkang</p> <p>Masalah berkaitan sikap individu dan perkhidmatan pengutipan sampah pihak majlis</p>	<p>Apabila hujan turun, air di longkang sering melimpah kerana sistem longkang yang tidak memenuhi piawaian. Ada longkang yang terlalu dalam, sementara yang lain pula sempit dan tidak berfungsi dengan baik. Akibat daripada masalah ini, kes denggi di kawasan ini meningkat dengan ketara. Kementerian Kesihatan telah melancarkan kempen pencegahan denggi, namun pihak kesihatan hanya melakukan fogging apabila terdapat kes yang dilaporkan, bukannya sebagai langkah pencegahan berkala.</p> <p>Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada melimpahnya air dari longkang adalah pembinaan rumah oleh penduduk yang menyebabkan simen dan bahan pembinaan lain jatuh ke dalam longkang, menyumbat saluran air dan menghalang kelancaran aliran air. Situasi ini bukan sahaja menyumbang kepada banjir kilat, tetapi turut meningkatkan risiko pembiakan nyamuk aedes yang membawa penyakit denggi. (Taman Kota Nelayan)</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Lambakan sampah adalah berpunca dari jumlah tong sampah tidak mencukupi dan jumlah pekerja kontrak pembersihan yang sedikit. Ditambah pula sikap individu itu sendiri yang kurang menitikberatkan aspek penjagaan alam sekitar menyumbang kepada permasalahan ini. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	
8.	Masalah pembangunan infrastruktur yang dihadapi penduduk Kesesakan lalu lintas Ketiadaan kemudahan kesihatan (X-ray) Ketiadaan lampu jalan Keadaan jalan raya yang	Kebanyakan pemandu luar sering meletakkan kenderaan sesuka hati di kawasan tersebut, tanpa mematuhi peraturan yang ada. Keadaan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas yang berterusan. Sebagai langkah penyelesaian, seharusnya disediakan papan tanda yang jelas mengenai larangan letak kenderaan dan amaran kompaun atau saman bagi pemandu yang melanggar peraturan. Ini dapat mengurangkan masalah kesesakan dan memastikan disiplin pemandu lebih terjaga, seterusnya meningkatkan aliran trafik di kawasan tersebut. Juga peserta-peserta meminta untuk membina lampu isyarat untuk faktor keselamatan. (Jambatan Tok Pasai (Simpang 3), Kg Tengah (berhadapan Klinik Kesihatan), Jambatan (menghala ke Kota Marina))	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	mengakibatkan kemalangan	<p>Infrastruktur jalan agak kurang memuaskan dimana peserta menyatakan sering kali berlaku kesesakan lalu lintas terutama di Jambatan Tok Pasai yang menghubungkan kawasan seberang sungai. Kesesakan menjadi lebih parah setibanya musim-musim perayaan dan cuti umum. Peserta mencadangkan agar dapat dibina lampu isyarat untuk mengawal lalu lintas kenderaan sekaligus mengurangkan risiko keselamatan kepada penduduk. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)</p> <p>Ketiadaan X-ray di klinik KK berhampiran. Akses kemudahan kesihatan secara umumnya baik namun terpaksa bergerak ke klinik kesihatan Simpang Kuala yang terletak sejauh 40 minit perjalanan jika perlu mendapatkan X-ray. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)</p> <p>Kawasan ini juga mengalami masalah kekurangan lampu jalan, yang menyebabkan keadaan gelap pada waktu malam. Selain itu, struktur jalan yang tidak rata menambah risiko kemalangan bagi pengguna jalan raya. Walaupun aduan telah dibuat</p>	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>mengenai masalah ini, tiada sebarang maklum balas atau tindakan diambil oleh pihak berwajib untuk membaik pulih keadaan tersebut (Jalan Padang Garam sehingga ke Kota Kuala Kedah, Tok Pasai masuk ke Kota Nelayan, Selepas Taman Kota Nelayan Kota Nelayan menghala ke SMK Kubang Rotan)</p> <p>Tiada bonggol jalan di hadapan selekoh sekolah, yang menyebabkan kejadian kemalangan jalan raya sering berlaku di kawasan tersebut. Keadaan ini semakin memburuk kerana banyak pemandu memandu melebihi had laju yang dibenarkan, sekali gus membahayakan keselamatan pelajar dan pengguna jalan raya yang lain. Walaupun aduan telah dibuat kepada pihak berwajib, tiada tindakan yang diambil untuk menangani isu ini. Isu ini berkait rapat dengan keselamatan, dan jika tidak ditangani segera, ia berisiko mengakibatkan lebih banyak kemalangan di masa depan. (Jalan Utama Taman Kota Nelayan)</p>	
9.	Kenaikan kos sara hidup	Perbelanjaan keperluan hidup meningkat akibat inflasi. Bebanan kos sara hidup banyak memberi kesan kepada kehidupan seharian mereka. Kos	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sara hidup yang paling utama adalah melibatkan perbelanjaan makanan, sewa, utiliti dan pendidikan. Sebagai contoh, anggaran keperluan pembiayaan pendidikan untuk seorang anak yang bersekolah rendah mencapai hampir RM500. Kos ini merangkumi yuran kelas KAFA, bayaran kerja khusus, pembelian pakaian beruniform persatuan dan sebagainya. Anggaran pemberian duit poket pelajar juga tinggi sekitar RM2 ke RM7 seorang sehingga memberi tekanan kewangan kepada ibu bapa dan ada juga terpaksa memberikan bekal kepada anak-anak sebagai makanan tambahan. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	
10.	Perumahan kos rendah tidak banyak dibina.	Pemilikan rumah yang rendah dan perumahan teres kos rendah tidak banyak dibina. Penduduk adalah terdiri dari golongan B40 yang bekerja sebagai nelayan, pesawah dan bekerja sendiri. Rekod kewangan yang lemah menyukarkan mereka untuk membeli rumah dan hanya mampu untuk menyewa sahaja. Oleh itu, penduduk memerlukan satu bentuk bantuan kerajaan dari segi akses pemilikan rumah. Faktor pembinaan rumah kos rendah atau mampu milik juga tidak banyak dibina di kawasan kampung Telok Talipon turut	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		diketengahkan. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	
11.	Kecurian	Kes kehilangan barang dan hasil tanaman semakin menjadi-jadi di kawasan kampung. Kejadian kecurian banyak dilakukan oleh penagih dadah di kawasan kampung dan ia bukan sahaja melibatkan harta benda bahkan hasil tanaman. Sebagai contoh, penduduk menyatakan hasil tanaman mereka seperti buah-buahan (pisang, daun pisang) juga turut dicuri dan dijual pihak tidak bertanggungjawab ini. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
12.	Penagihan dadah dalam kalangan belia muda dan penganggur	Masalah penagihan dadah banyak berlaku kepada masyarakat kampung tidak mengira umur. Terdapat penagih dari golongan belia yang tercalar pendidikan dan ada juga penagih dari kalangan penganggur. Kelakuan penagih adalah sukar diramal dan kebiasaannya mereka banyak mendatangkan masalah. Hal ini membimbangkan penduduk jika tiada langkah proaktif diambil. Peserta turut mencadangkan agar para penagih/penganggur dapat diberikan kerja berbanding hanya bantuan rehabilitasi semata-mata. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	Walaupun tidak semua anggota komuniti terlibat, sebahagian kecil tingkah laku negatif boleh menjejaskan imej keseluruhan masyarakat Kuala Kedah. Isu dadah di kawasan ini telah lama wujud dan masih berterusan, dengan aktiviti pengedaran dan penggunaan dadah kini lebih canggih. Pengambilan pil terlarang telah menggantikan suntikan, dan sumber pil tersebut sukar dikesan. Dengan pintu masuk yang pelbagai daratan, lautan, dan udara serta pengeluaran pil berkualiti tinggi di negara jiran, keadaan ini menimbulkan kebimbangan serius terhadap keselamatan dan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>kesejahteraan komuniti setempat. Tuan Pegawai Daerah</p> <p>Jumlah klien yang aktif terlibat dengan dadah di Kuala Kedah dianggarkan seramai 150 orang. Walaupun pelbagai usaha pencegahan dan program kesedaran telah dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), situasi masih menunjukkan jumlah kes yang tinggi, contohnya lebih 100 individu hadir dalam satu sesi baru-baru ini. Kuala Kedah diklasifikasikan sebagai kawasan berisiko tinggi (Kawasan Berisiko Tinggi, KBT), sebelum ini dikenali sebagai Kawasan Perangi Dadah Habis-habisan (KPDH). Walaupun nama program dan pendekatan berubah dari masa ke masa, ia menunjukkan bahawa kawasan tersebut tetap menjadi fokus utama dalam usaha pencegahan dan pengurusan dadah. (AADK)</p>
13.	Lumba haram dan basikal lajak	Aktiviti lumba haram di kalangan belia masih berleluasa terutama di pantai Leman iaitu kawasan 'hot spot', Meskipun laporan yang dibuat telah diambil tindakan namun ia kembali berulang dan seperti tiada kesudahannya. Masalah sosial ini turut melibatkan aktiviti lumba basikal lajak yang	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		dikhuatiri akan pula menjadi “mat rempit” di kemudian hari. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota, Pantai Leman)	
14.	Peluang pekerjaan terhad kerana tiada banyak sektor perkilangan di sekitar kawasan Kuala Kedah	Majoriti peluang pekerjaan adalah bertumpu dalam sektor agro ekonomi seperti pertanian sawah dan perikanan. Sektor pekerjaan yang bergaji tinggi adalah sangat minima dan sekiranya penduduk ingin bekerja dalam sektor lain, mereka perlu berhijrah keluar ke bandar besar seperti Alor Star dan Kulim.(Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
15	Syarat bantuan JKM dan zakat terlalu ketat	Penduduk yang memerlukan bantuan tidak melepasi syarat yang terlalu ketat sama ada dari pihak JKM mahupun zakat. Sebagai contoh apabila pegawai mendapati pemohon mempunyai motor atau mempunyai rumah secara automatik permohonan bantuan mereka ditolak. (Kg Telok Talipon, kariah Masjid Taman Kota)	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Pantai Aman Laut Tarikh: 11 Januari 2025 (Sabtu) Bilangan peserta: 26 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: <i>Tiada</i>
1.	Infrastruktur pengkalan daif	Memerlukan penaiktarafan jeti usang. Infrastruktur yang paling utama adalah berkaitan keadaan jeti pendaratan. Peserta menyatakan jeti di kampung tersebut boleh dikatakan daif berbanding jeti-jeti lain di kawasan Parlimen Kuala Kedah. Jeti sedia ada sudah tidak dapat menampung kesesakan jumlah bot/perahu nelayan lantaran kemasukan nelayan kampung lain yang berpindah masuk. Selain itu, nelayan di kampung nelayan pantai menjalan aktiviti menangkap hasil jenis kerang-kerangan yang berbeza-beza seperti kerang, lokan, ketam, siput dan lain-lain memerlukan jeti yang lebih banyak.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
2.	Kekurangan peluang pendidikan dan kemahiran	Tiada program latihan / geran pendidikan /bantuan peralatan. Kebanyakan nelayan bergantung sepenuhnya dengan aktiviti penangkapan hasil laut dan tidak mempunyai kemahiran lain. Menurut peserta, di kampung Nelayan Pantai tidak mempunyai program latihan atau geran	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pendidikan yang mencukupi untuk mereka belajar mengembangkan sumber pendapatan sampingan.	
3	Kekurangan peralatan dan kewangan	Tiada saluran daripada segi kewangan dan kemahiran untuk membangunkan sektor produk hiliran. Golongan nelayan lelaki banyak menghabiskan masa di laut dan pada masa sama pendapatan mereka masih tidak mencukupi. Hal ini menyebabkan kaum wanita terutama isteri-isteri cuba untuk membantu menambah pendapatan dengan menjual hasil ikan diproses secara kecil-kecilan sahaja. Komuniti ingin mengembangkan usaha mereka namun tidak mempunyai kewangan untuk membangunkan produk hiliran hasil laut di samping tiada peralatan atau mesin pembuatan yang lebih cekap bagi tujuan perniagaan.	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
4.	Permohonan lesen TOL untuk tapak tiada maklum balas	Isu status tanah juga antara isu diketengahkan penduduk di mana tanah sedia ada adalah tanah rizab pantai dan mereka cuba memohon untuk kelulusan TOL namun malangnya masih tiada khabar. Ketiadaan kelulusan TOL menyebabkan golongan nelayan di kampung tersebut bimbang jika sekiranya melanggar undang-undang jika membuat apa-apa aktiviti lain seperti meniaga, pusat rekreasi dan sebagainya.	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Kesukaran mendapatkan kelulusan lesen	Isu perlesenan merupakan isu yang terkehadapan kerana kepentingannya kepada kelangsungan aktiviti perikanan. Kes permohonan perlesenan masih banyak tertangguh terutama melibatkan generasi muda. Hal ini berpunca daripada jumlah kuota tidak mencukupi atau kuota penuh dengan nelayan tidak aktif. Akibatnya, nelayan muda ini terdedah dengan risiko keselamatan kerana tiada perlindungan insuran, bimbang ditangkap kerana melanggar undang-undang, dan paling utama tidak menerima bantuan-bantuan yang mereka layak terima seperti bantuan bot, enjin, subsidi minyak dan bantuan sara hidup nelayan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
6.	Tiada kemudahan atau hak milik perumahan untuk generasi nelayan yang baru	Keperluan perumahan untuk golongan miskin. Pemilikan rumah dalam kalangan generasi baru nelayan amat sedikit. Ia adalah disebabkan kurangnya pembinaan rumah kos rendah dan tiada lanjutan bantuan perumahan kepada generasi baru nelayan. Ketiadaan pendapatan tetap juga menyukarkan mereka untuk membeli rumah dan terpaksa menyewa atau berimpit tinggal dengan ibu bapa walaupun sudah berkeluarga.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Tiada status pemilikan kerana tiada geran tanah	Generasi nelayan yang membuat rumah di gigi air tidak mempunyai geran walaupun sudah tinggal dan membuat rumah di situ sejak sekian lama. Nelayan-nelayan ini tidak pernah memohon pemilikan rasmi tanah tapak rumah mereka duduki lantaran kurang mengetahui prosedur dan ia menyebabkan mereka dihalau apabila tapak rumah dimohon oleh orang lain diluluskan Pejabat Tanah Daerah.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
8.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan kerajaan, bantuan dan subsidi	Kekurangan maklumat. Peserta menyatakan bahawa mereka tidak tahu bagaimana untuk memohon bantuan atau dengan siapa mereka perlu berurusan. Mereka pernah bertemu dengan ketua kampung, namun ketua kampung memaklumkan bahawa tiada bantuan yang tersedia dan akan diberitahu sekiranya ada bantuan pada masa depan, tetapi sudah bertahun-tahun lamanya, tiada maklum balas yang diterima. Bagi pinjaman Amanah Ikhtiar, peserta tidak mampu untuk memohon kerana pinjaman tersebut memerlukan pembayaran mingguan. Oleh kerana pendapatan nelayan yang tidak menentu, mereka merasa tidak mampu untuk memenuhi komitmen pembayaran pinjaman ini dan oleh itu,	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>mereka memilih untuk tidak memohon pinjaman tersebut.</p> <p>Ada rumah peserta yang teruk dilanda ribut, menyebabkan kerosakan yang serius. Mereka pernah memohon bantuan untuk pembaikan rumah pada tahun 2005, namun sehingga kini tiada sebarang maklum balas atau jawapan diterima. Rumah peserta tersebut dibina daripada papan, yang menjadikannya lebih terdedah kepada kerosakan akibat cuaca ekstrem.</p>	
9.	Pelarian dan pendatang menyebabkan ketegangan sosial dengan penduduk tempatan	<p>Kehadiran pendatang asing warga Myanmar/Bangladesh/India yang terlalu ramai di kawasan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk, terutamanya mengenai keselamatan anak-anak mereka. Penduduk bimbang bahawa keberadaan pendatang asing tanpa izin boleh meningkatkan risiko jenayah dan gangguan keselamatan.</p> <p>Terdapat pendatang yang memegang kad UNHCR, di mana anak-anak mereka menerima bantuan daripada pihak berwajib. Namun, anak-anak penduduk asal di kawasan ini tidak menerima</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bantuan yang sama. Selain itu, golongan pendatang tersebut turut membuka perniagaan di kawasan ini, yang menambah lagi kebimbangan penduduk tempatan mengenai peluang pekerjaan dan kesejahteraan mereka. (Kawasan Pantai Aman Laut serta banyak lagi.)	
10.	Masalah pembangunan infrastruktur	Tiada lampu jalan. Lampu jalan yang ada di kawasan ini tidak berfungsi dengan baik; ada yang berfungsi dengan sempurna, namun ada juga yang rosak atau tidak berfungsi langsung. Situasi ini menimbulkan kebimbangan mengenai keselamatan penduduk dan ia turut meningkatkan risiko kejadian jenayah dan kemalangan jalan raya. Faktor keselamatan ini seharusnya diberikan perhatian serius oleh pihak berwajib bagi memastikan persekitaran yang lebih selamat untuk semua. (Jalan Kg Tepi Laut)	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
11.	Keperluan Perumahan untuk Golongan Miskin	Birokrasi dalam permohonan perumahan. Peserta juga bertanya sama ada mereka layak untuk memohon bantuan perumahan seperti inisiatif Rumah Mesra Rakyat, memandangkan situasi mereka yang memerlukan bantuan untuk mendapatkan tempat tinggal yang lebih selesa dan selamat. Mereka berharap ada peluang untuk	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>mendapatkan sokongan daripada kerajaan bagi memastikan kesejahteraan keluarga mereka terjamin.</p> <p>Pemilikan projek pembangunan perumahan tidak jelas. Terdapat projek pembangunan baru yang sedang dijalankan di kawasan ini, di mana sebuah kondominium sedang dibina. Baru-baru ini, sebuah rumah milik penduduk telah diruntuhkan sebagai sebahagian daripada projek tersebut, yang menyebabkan penduduk lain bimbang mereka akan menerima nasib yang sama. Mereka adalah penduduk asal di kawasan ini dan rumah mereka terletak di atas tanah rezab. Oleh itu, mereka berhasrat untuk mempertahankan hak mereka, tetapi tidak tahu ke mana harus mengadu atau mendapatkan bantuan. Pihak pemaju telah mengeluarkan notis selama dua minggu untuk meminta mereka mengosongkan rumah, namun tempoh yang diberikan dianggap tidak mencukupi untuk mereka mencari penyelesaian atau tempat tinggal baru. Penduduk tidak mahu berpindah, kerana mereka merasakan hak mereka sebagai penghuni asal diabaikan. (Kg Aman)</p>	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
12.	Keciciran Pelajaran	Ketiadaan dokumen yang lengkap. Ada anak-anak yang tercicir daripada pendidikan kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga mereka, serta kekurangan maklumat yang sah mengenai bantuan atau sokongan yang tersedia. Selain itu, ada juga yang tidak berdaftar di sekolah kerana status mereka sebagai anak luar nikah, yang menyukarkan mereka untuk mendapatkan hak pendidikan yang sepatutnya. (Sekolah Rendah Sri Pantai)	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
13	Kekurangan a kses kepada bekalan Air bersih dan dirawat	Gangguan bekalan air. Masalah bekalan air di kawasan ini telah berlarutan sejak bertahun-tahun lamanya. Kebanyakan penduduk hanya menerima bekalan air sekitar pukul 10 pagi setiap hari, dan setiap rumah terpaksa bergantung kepada pam air untuk memastikan bekalan air berterusan. Walaupun pembangunan telah dijalankan di kawasan ini, isu bekalan air tidak diambil perhatian dengan serius, meskipun sudah lebih 5 hingga 6 tahun masalah ini berlanjutan tanpa sebarang tindakan daripada pihak berwajib. Bagi membantu mengatasi masalah ini, penduduk menggunakan tong air biru untuk menadah air. Pihak SADA (Syarikat Air Darul Aman) ada melakukan	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		penghantaran air namun penghantaran hanya dilakukan ke rumah-rumah tertentu yang telah dikenal pasti, menyebabkan sebahagian penduduk lain tidak mendapat bantuan yang sama. (Jalan Kg Tepi Laut)	
14.	Kesukaran Kewangan dan Tekanan Ekonomi bagi Usahawan Kecil Tempatan	Keperluan sistem sokongan dan bantuan. Ramai golongan asnaf. Mereka menginginkan bantuan untuk memulakan perniagaan, namun pada masa yang sama, tidak tahu bagaimana untuk mempromosikan produk hiliran mereka juga. Kenaikan harga barang menjadikan keadaan lebih sukar, dan mereka terpaksa bergantung pada pendapatan suami yang bekerja sebagai nelayan, yang mana pendapatan mereka tidak tetap. Oleh itu, ramai yang ingin beralih kepada perniagaan, tetapi terhalang oleh masalah kewangan. Mereka juga mengharapkan sokongan dalam mendapatkan tapak untuk berniaga, bagi memudahkan mereka mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan keluarga.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kg Kebun Pinang Tarikh: 12 Januari 2025 (Ahad) Bilangan peserta: 14 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pegawai Daerah
1	Tekanan ekonomi bagi usahawan kecil tempatan	<p>Kenaikan harga bahan mentah. Kebanyakan peniaga wanita menjalankan perniagaan makanan sebagai usaha untuk membantu meringankan beban kewangan keluarga, terutamanya apabila pendapatan suami mereka juga tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup. 5/7 wanita yang hadir bekerja sendiri.</p> <p>Pelbagai isu yang dihadapi oleh peniaga kecil antaranya ialah kos bahan yang tinggi, khususnya pembelian bahan mentah seperti minyak masak. Kekurangan bekalan minyak masak juga menjadi faktor utama peniaga perlu ke luar dari kawasan asal untuk mendapatkan bekalan yang mana ia telah menambah kos pengangkutan. Oleh itu, mereka terpaksa menaikkan harga produk untuk menampung kos modal bahan mentah yang dikeluarkan. Malangnya, situasi ini tidak menjana keuntungan seperti yang mereka mahu malah</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>keadaan menjadi rumit apabila lebih banyak barangan yang tidak terjual dan sekaligus menambah kepada tekanan kewangan yang mereka hadapi.</p> <p>Keperluan sistem sokongan dan bantuan. Selain itu, peniaga juga mengadu bahawa mereka sukar untuk mendapat bantuan perniagaan. Proses permohonan bantuan yang rumit dan kekurangan sokongan menyukarkan mereka untuk mendapatkan bantuan yang sepatutnya, menambah beban dalam usaha mereka untuk mengembangkan perniagaan.</p> <p>Peniaga meluahkan rasa kecewa kerana kekurangan tempat untuk berniaga yang menjadikan peluang perniagaan terhad. Kebanyakan mereka kini terpaksa bergantung pada sistem vendor untuk menjalankan perniagaan, disebabkan pengalaman lalu di mana kedai peniaga lain pernah dirobuhkan.</p>	
2.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan	Kekurangan maklumat. Daripada segi kebajikan dan bantuan, ramai peserta yang telah membuat permohonan, namun tiada maklum balas yang	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kerajaan, bantuan dan subsidi	diterima. Walaupun telah beberapa kali memohon, mereka tidak mendapat sebarang jawapan atau kemajuan. Begitu juga dengan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), di mana tiada maklumat yang jelas mengenai status permohonan. Selain itu, mendapatkan bantuan melalui E-Kasih juga menjadi sangat sukar dan prosesnya lambat, menyebabkan mereka merasa terpinggir dan tidak mendapat sokongan yang sepatutnya	
		<p>Menurut peeserta, agihan bantuan yang diberikan adalah tidak selaras dengan kriteria kelayakan yang digariskan oleh pihak berwajib. Justeru itu, ia telah memberi implikasi negatif dengan meminggirkan golongan yang sepatutnya layak menerima bantuan.</p> <p>Bantuan yang diterima hanya diberikan kepada penerima yang sering mendapat bantuan, manakala peserta lain yang memerlukan masih belum menerima sebarang sokongan. Hal ini menyebabkan ketidakadilan, di mana sebahagian peserta yang berkelayakan dan memerlukan bantuan, terutamanya yang baru memohon,</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		terpinggir daripada menerima bantuan yang sewajarnya. Keadaan ini menimbulkan rasa kecewa dan ketidakpuasan hati dalam kalangan peserta yang berusaha untuk meneruskan perniagaan mereka dalam situasi ekonomi yang mencabar. Sebagai tambahan, kekurangan maklumat yang jelas mengenai kriteria kelayakan atau proses permohonan bantuan juga menyukarkan peserta untuk mendapatkan sokongan yang mereka perlukan.	
3.	Keciciran Pelajaran	Beberapa pelajar tercicir dalam pelajaran disebabkan oleh masalah kewangan keluarga. Ada yang tidak mempunyai pengangkutan untuk ke sekolah dan pada awalnya, mereka menumpang jiran, namun lama kelamaan mereka merasa segan untuk terus bergantung kepada orang lain dan akhirnya tidak hadir ke sekolah. Keadaan ini semakin terjejas selepas pandemik COVID-19, di mana pelajar-pelajar ini menghadapi kesulitan tambahan akibat kekurangan sumber dan sokongan. Pihak sekolah telah mengenal pasti pelajar-pelajar yang terkesan dan mula memberikan bantuan, termasuk guru-guru yang sanggup datang ke rumah pelajar untuk	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		memastikan mereka terus mendapat akses kepada pembelajaran. (Sekolah Kebun Pinang & SMK Dato' Wan Mohd Samad)	
4.	Penyalahgunaan dadah	Golongan belia dan veteran turut terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah, yang akhirnya membawa kepada jenayah seperti pecah rumah. Walaupun kes-kes seperti ini jarang berlaku, namun ia tetap menjadi isu yang perlu diberi perhatian serius. Penyalahgunaan dadah bukan sahaja memberi kesan kepada individu terlibat, tetapi juga memberi impak negatif kepada masyarakat sekitar, kerana ia meningkatkan risiko jenayah dan mengganggu keselamatan awam.	Individu tersebut telah melalui pelbagai generasi, dari bapa kepada anak dan cucu, sehingga melibatkan tiga generasi di persekitaran yang sama. Keakraban dan pendedahan berterusan menyebabkan normalisasi terhadap penggunaan dadah, termasuk ketum, sehingga ia dianggap sebagai amalan biasa. Normalisasi ini meningkatkan risiko, kerana apabila sesuatu tabiat atau budaya dianggap lumrah, ia berpotensi membawa bahaya kepada individu dan masyarakat. (Tuan Pegawai Daerah).
5.	Isu bekalan air Kekurangan akses kepada air bersih dan dirawat Tekanan air perlahan dan terputus	Gangguan bekalan air. Isu bekalan air menjadi masalah di kawasan ini, di mana setiap rumah terpaksa bergantung kepada pam untuk mendapatkan air. Syarikat Air Darul Aman (SADA) tidak menghantar bekalan air ke kawasan ini menandakan isu air tidak kritikal. (IPS ke Petronas Batu 5) Peserta menyatakan mereka sering menghadapi masalah bekalan air terputus terutama pada waktu	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		puncak seperti hari cuti umum dan musim perayaan. Di kawasan taman-taman di sekitar juga menghadapi tekanan air yang rendah dan terpaksa bergantung kepada pam air yang dibeli sendiri. (Taman Desa Kamela, Taman Nuri Tokai Kg Kebun Pinang)	
6.	Masalah banjir disebabkan oleh kerana tiada penyelenggaraan longkang	Apabila banjir berlaku, air akan naik dan melimpah dari longkang, yang merupakan longkang persendirian tetapi dikongsi bersama penduduk-penduduk lain. Longkang ini sering tersumbat akibat pengumpulan sampah, menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir. Walaupun ada keperluan untuk menjalankan gotong royong bagi membersihkan longkang, ia menjadi sukar kerana tidak semua penduduk peka terhadap masalah ini atau tidak mahu mengambil bahagian. Keadaan ini memperburuk lagi masalah banjir.	Penduduk tempatan kadangkala terlalu dimanjakan sehingga kurang berminat untuk menyertai aktiviti komuniti seperti gotong-royong. Akibatnya, agensi luar terpaksa mengambil alih pelaksanaan aktiviti tersebut, termasuk pembersihan dan penyelenggaraan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengubah mindset penduduk agar lebih proaktif dalam penglibatan komuniti, sambil memastikan aktiviti tetap dijalankan dengan penglibatan berterusan. (Tuan Pegawai Daerah)
7.	Pendatang menyebabkan ketegangan sosial dengan penduduk tempatan	Keselamatan Sosial. Penduduk setempat merasa tidak selesa dengan kehadiran warga Rohingya di kawasan mereka, terutamanya kerana mereka tinggal dalam jumlah yang ramai di dalam satu rumah, dengan beberapa keluarga berkongsi tempat tinggal. Rumah-rumah ini disewakan oleh	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>warga tempatan yang menjadi tuan rumah. Penduduk turut merasakan bahawa warga Rohingya ini agak kasar dalam perilaku mereka. Selain itu, terdapat juga laporan mengenai mereka yang memandu kereta menggunakan nama orang tempatan, dan jika berlaku saman, mereka tidak membayar. Keadaan ini menimbulkan ketidakselesaan dalam masyarakat. (Kg Kebun Pinang)</p> <p>Terdapat isu di mana bukan warganegara menjual minyak kepada sesama mereka, dengan cara menyembunyikan bekalan minyak yang sepatutnya dijual kepada warga tempatan. Harga jualan minyak dinaikkan daripada RM2.50 kepada RM3.00. Tindakan ini mencetuskan ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat, kerana mereka terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk keperluan asas seperti minyak masak, sedangkan bekalan tersebut sepatutnya diperuntukkan untuk kegunaan tempatan pada harga yang lebih berpatutan. Penduduk meminta agar pihak berkuasa memantau Kedai MCM Trading, kerana kedai ini mempunyai banyak cawangan dan</p>	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>bimbang kedai-kedai ini menyembunyikan bekalan minyak dan menaikkan harga jualan, yang memberi kesan negatif kepada penduduk tempatan. (Felda Lubuk Merbau)</p>	
8.	<p>Masalah pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam</p>	<p>Lampu jalan tiada. Kawasan ini mengalami masalah kekurangan lampu jalan yang telah berlarutan untuk bertahun-tahun. Meskipun penduduk telah membuat aduan berkali-kali, tiada tindakan atau respons yang diambil bagi menyelesaikan masalah ini. Keadaan gelap pada waktu malam meningkatkan risiko kemalangan, dan memang telah berlaku beberapa insiden akibat kekurangan pencahayaan di jalan raya. Walaupun kemalangan telah terjadi, pihak berkuasa masih belum mengambil langkah yang sewajarnya untuk memasang lampu jalan dan memastikan keselamatan penduduk terjaga.</p> <p>Lampu isyarat telah dipohon sejak sekian lama, namun tiada maklum balas atau tindakan yang diambil. Pemasangan lampu isyarat di luar sekolah adalah amat diperlukan, terutamanya untuk memastikan keselamatan pelajar. Di sekolah-sekolah lain, seperti sekolah Cina, terdapat bonggol</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>jalan dan lampu isyarat yang dipasang, namun situasi ini menimbulkan tanda tanya dalam kalangan ibu bapa mengenai ketidakseimbangan kemudahan yang disediakan. Di Sekolah Rendah Kebun Pinang dan SMK Dato' Wan Mohd, isu tiada garisan kuning di kawasan sekolah sudah lama namun tiada tindakan sewajarnya diambil oleh pihak berwajib sehingga meskipun telah berlaku kemalangan maut di kawasan tersebut. (Teluk Bagan (sebelum taman),</p> <p>Dari IPS ke Petronas (Jalan Utama) Taman Desa Kamila (Taman, sekolah), Sekolah Rendah Kebun Pinang dan SMK Dato' Wan Mohd)</p>	
9.	Ketinggalan dalam pelajaran kerana mata pelajaran dianggap semakin sukar	Terdapat kebanyakan pelajar di kampung tersebut mengalami masalah dalam pembelajaran dan agak ketinggalan kerana faktor silibus yang terlalu sukar bagi mereka. Ada inisiatif untuk belajar dengan cuba mengambil tuisyen tetapi kemudahan tuisyen amat terhad di kawasan kampung ditambah pula dengan biayanya yang tinggi bagi setiap mata pelajaran	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
10.	Ketidacukupan guru KAFA	Anak-anak yang bersekolah rendah pada kebiasaan di sebelah petang, wajib untuk hadir ke kelas	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		fardhu ain (KAFA) namun akibat kekurangan guru KAFA kelas yang dihadiri hanya 3 hari sahaja seminggu. Berdasarkan maklumat dari guru KAFA itu sendiri, seorang guru terpaksa mengajar sehingga 50 orang pelajar pada satu-satu masa.	
11.	Kesukaran kewangan dan tekanan ekonomi	Kos sara hidup tinggi, kenaikan harga barang mentah. Berdasarkan maklumat peserta yang berniaga secara kecil-kecilan seperti jualan kuih, ikan pekasam dan sebagainya banyak mengalami penurunan dari segi pendapatan kerana harga barang mentah yang melambung tinggi. Peniaga mengalami dilema kerana terpaksa menyerap kos kenaikan bahan input ini untuk memastikan pelanggan mereka tidak lari. Akibatnya jumlah untung menjadi sangat kecil dan kadangkala perniagaan mengalami kerugian.	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
12.	Infrastruktur tapak meniaga	Tapak jualan sesak dan tidak mencukupi. Tapak perniagaan bagi usahawan kecil sedia ada amat sesak dan berbahaya kerana kedudukan bersebelahan jalan besar. Peserta daripada golongan peniaga juga menyatakan ruang niaga agak terhad untuk mereka dan memilih untuk berniaga berdekatan supermarket Lotus kerana	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tapaknya yang luas dan mudah untuk pelanggan meletak kenderaan.	
13.	Lantikan kontraktor yang bernama 'Idaman' kurang cekap	Penduduk merasakan kontraktor yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik. Sebagai contoh meskipun membayar cukai tanah, kutipan sampah perlu dikumpulkan dahulu di pos-pos ditetapkan sahaja. Ia menjadi masalah jika warga penduduk adalah golongan tua atau kanak-kanak kerana kedudukan pos yang agak jauh dari rumah mereka. Kadangkala tong sampah penduduk juga dirampas kontraktor jika meletakkan tong tersebut di hadapan rumah mereka. Selain itu, sisa potongan rumput turut dibiarkan selepas kerja pemotongan tanpa sebarang tindakan pembersihan oleh pihak kontraktor.	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kg Kuala Sala Tarikh: 12 Januari 2025 (Ahad) Bilangan peserta: 15 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. PDRM
1.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan kerajaan, bantuan dan subsidi	<p>Kekurangan maklumat. Komuniti ini terdiri daripada kebanyakan individu yang bekerja sendiri, dengan majoriti penduduk adalah Melayu. Sebahagian besar suami dalam komuniti ini bekerja sebagai pesawah, di mana 80% daripada mereka menyewa bendang, manakala 20% lagi memiliki tanah bendang sendiri. Selain itu, kira-kira 40% daripada komuniti ini terdiri daripada ibu tunggal yang turut mengusahakan pelbagai pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka. Keadaan ekonomi yang bergantung kepada sektor pertanian menjadikan penduduk di sini terdedah kepada cabaran kewangan, terutamanya ketika hasil pertanian tidak stabil atau terjejas akibat cuaca atau faktor lain.</p> <p>Bantuan daripada kerajaan untuk komuniti ini kurang jelas dan seringkali tidak sampai kepada penduduk yang memerlukan. Permohonan yang</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>perlu dilakukan secara atas talian meyakinkan penduduk kampung kerana ramai daripada mereka kurang mahir dengan teknologi dan berhadapan masalah sambungan interenet yang lemah di kawasan itu. . Bantuan melalui E-Kasih juga sukar diperoleh, dengan banyak syarat-syarat tertentu yang menyukarkan proses permohonan. penduduk juga tidak mendapat maklum balas tentang permohonan rumah walaupun sudah menunggu lebih 4 tahun. Penduduk pernah mengemukakan aduan kepada pihak berwajib, namun jawapan yang diterima sering kali tidak memadai atau tidak diendahkan, menyebabkan rasa kecewa dan ketidakpuasan hati dalam kalangan mereka.</p>	
2.	Masalah infrastruktur	<p>Penduduk telah memohon untuk pemasangan papan tanda bagi kampung, namun sehingga kini, tiada tindakan yang diambil. Permohonan ini penting bagi memudahkan orang luar mengenali kawasan tersebut, terutama bagi tujuan mencari jalan dan keselamatan. Kekurangan papan tanda juga menyukarkan penduduk dan pelawat untuk mencari lokasi tertentu, serta memberi kesan</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>kepada pembangunan komuniti yang lebih teratur dan mudah dikenali. (Kg Kuala Sala)</p> <p>Lampu jalan dalam kampung masih kurang.</p> <p>Peserta menyatakan kemudahan awam berkaitan lampu jalan didapati kurang diselenggara dengan baik dan jumlahnya juga tidak mencukupi.</p>	
3.	Penyalahgunaan dadah	<p>Isu penyalahgunaan dadah melibatkan semua lapisan umur dalam komuniti ini, dengan ramai yang terjebak dalam masalah dadah, yang akhirnya mendorong kepada kegiatan jenayah seperti mencuri dan pecah rumah. Walaupun masalah ini semakin serius, peserta mengakui bahawa penduduk tidak melaporkan kejadian jenayah kepada pihak polis, dan mereka kurang pasti apa sebabnya. Mungkin ada rasa takut atau lain-lain sebab yang kurang pasti. Rondaan polis kerap dilakukan di kawasan ini. Keadaan ini menunjukkan perlunya kesedaran yang lebih tinggi dan tindakan lebih tegas untuk menangani masalah sosial yang sedang berlaku.</p>	<p>Kawasan Kuala Kedah menghadapi masalah serius berkaitan penyalahgunaan dan pengedaran dadah, yang berleluasa terutamanya di jeti-jeti haram. Kehadiran penagih dadah telah mendorong pelbagai kegiatan jenayah seperti kecurian, samun, dan ragut. Selain itu, pengurusan parkir haram turut dikaitkan dengan penagih dadah, yang menyumbang kepada konflik dan pergaduhan di kawasan tersebut. Masalah utama yang menjejaskan keselamatan dan ketenteraman di Kuala Kedah ialah isu dadah. (PDRM)</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Kesukaran mengakses kemudahan kesihatan	<p>Kesesakan di hospital dan klinik tempatan. Penduduk menghadapi masalah kesesakan yang di hospital kerajaan, terutamanya kerana jumlah pesakit yang terlalu ramai. Proses untuk mendapatkan rawatan, terutama untuk berjumpa dengan pakar, memerlukan masa menunggu yang panjang. Keadaan ini menyebabkan kesulitan kepada mereka yang memerlukan rawatan segera, kerana tempoh menunggu yang lama sering kali memberi tekanan kepada pesakit dan keluarga mereka. Kekurangan sumber dan kapasiti di hospital kerajaan menambah kepada masalah ini, menjadikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti semakin sukar.</p> <p>Kualiti perkhidmatan klinik desa Kg Kuala Sala semakin menurun apabila terlalu sesak dengan pesakit. Jumlah pesakit yang ramai menyebabkan jam masa menunggu juga menjadi panjang. Selain itu, hospital paling hampir juga agak jauh dari kampung iaitu Hospital Pendang yang terletak sekitar 20 km dari kampung tersebut. (Klinik Kota Sarang Semut, Kg Kuala Sala)</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Ketersambungan (internet connectivity) yang lemah	Kualiti internet di kawasan ini sangat lemah, dan salah satu faktor penyumbanganya adalah kilang padi yang berada di sekitar kawasan tersebut. Kilang padi ini telah beroperasi selama 60 hingga 70 tahun dan dilengkapi dengan sistem solar untuk menyokong operasi mereka. Namun, kewujudan kilang ini dipercayai memberi kesan terhadap kelancaran perkhidmatan internet di kawasan berdekatan, mungkin disebabkan oleh gangguan daripada peralatan industri atau penggunaan tenaga yang tinggi. Masalah internet yang lemah ini menyukarkan penduduk untuk mengakses perkhidmatan dalam talian, seperti pendidikan, perniagaan, dan komunikasi.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
6.	Keselamatan makanan terancam - sektor pertanian	Peningkatan kos pengeluaran - kenaikan mendadak harga baja, harga racun. Isu harga padi yang tidak stabil perlu diberikan keutamaan dengan meletakkan harga siling yang sepatutnya bagi membantu pesawah berhadapan kos pengeluaran yang tinggi. Harga benih padi tetap mahal walaupun diberi subsidi. Selain itu, kos operasi turut meningkat dengan kenaikan harga upah buruh, harga mesin padi, diesel, dan traktor. Upah untuk penggunaan traktor dan mesin padi juga	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>semakin tinggi, dengan anggaran harga upah mesin padi mencecah RM180 hingga RM200, yang menjadikan kos pengeluaran semakin tidak terkawal. Kos tambahan seperti diesel yang juga didapati semakin mahal. Maka, penetapan harga yang lebih adil, sokongan yang lebih berkesan, dan peningkatan dalam sistem pembekalan serta pasaran yang memberi keuntungan kepada pesawah perlu diutamakan.</p>	
7.	<p>Ekonomi pengeluaran agro-makanan berisiko akibat isu pemasaran</p>	<p>Penyakit tanaman. Isu penyakit padi, terutamanya penyakit padi angin, menjadi cabaran besar bagi petani di kawasan ini. Kebanyakan petani terpaksa mencari penyelesaian dan melakukan inisiatif sendiri untuk mengatasi masalah ini, kerana walaupun mereka telah memohon untuk mendapatkan konsultasi, tiada respons atau bantuan yang diberikan. MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) tidak memberikan sokongan yang mencukupi kepada petani, dan mereka juga tidak menjalankan kajian mendalam mengenai penyakit padi angin. Keadaan ini menyebabkan petani terpaksa menghadapinya sendirian tanpa sebarang bantuan teknikal atau penyelidikan yang menyeluruh.</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Bahkan, ada juga laporan bahawa Thailand lebih aktif dalam memberikan bantuan kepada petani di sini berbanding MARDI.</p> <p>Selain itu, walaupun MARDI sepatutnya menjadi agensi yang bertanggungjawab untuk menjalankan kajian mengenai benih dan penyakit padi, penduduk merasakan bahawa MARDI dikawal oleh kartel, yang menjejaskan keberkesanan bantuan dan penyelidikan yang sepatutnya dilakukan. Petani juga pernah mengajukan soalan kepada MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) dan MARDI tentang tanaman alternatif yang boleh diusahakan sementara menunggu hasil padi, namun tiada maklum balas atau panduan yang diterima. Semua isu ini menyebabkan petani merasa terpinggir dan tidak mendapat sokongan yang sewajarnya dalam usaha mereka untuk mengatasi masalah penyakit padi dan meningkatkan hasil pertanian mereka.</p>	
		<p>Insentif, pembangunan dan sokongan pertanian yang tidak mencukupi. Pesawah di kawasan ini juga memerlukan bantuan yang lebih sewajarnya, memandangkan hasil tanaman padi bergantung</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>sepenuhnya kepada musim dan cuaca. Mereka ingin mencuba tanaman lain sebagai alternatif untuk menambah pendapatan, namun tiada peluang atau bantuan yang diberikan oleh pihak berkuasa untuk merealisasikan hasrat ini. Beberapa peserta mencadangkan agar tapak yang ada digunakan untuk menjalankan projek tanaman lain, namun mencadangkan pembinaan rumah hijau bagi melindungi tanaman tersebut daripada terdedah kepada tempas racun yang digunakan untuk tanaman padi. Walaupun cadangan ini berpotensi untuk meningkatkan pendapatan pesawah, mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan sokongan atau bantuan dalam melaksanakan projek tersebut. Kekurangan sokongan dan kemudahan untuk projek alternatif ini menyebabkan pesawah terpaksa terus bergantung pada hasil padi, yang sering kali terdedah kepada ketidakstabilan dan risiko musim yang tidak menentu.</p>	
8.	Pencemaran alam sekitar	Pencemaran udara dan air. Kilang pemprosesan padi di kawasan ini menyebabkan pencemaran udara yang serius, terutamanya disebabkan oleh habuk yang dihasilkan semasa proses pengilangan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Isu ini pernah mendapat liputan media, termasuk laporan di akhbar METRO, TV3, dan SINAR, namun sehingga kini tiada tindakan yang diambil untuk menangani masalah tersebut. Pencemaran udara ini memberi kesan negatif kepada kesihatan penduduk sekitar, menyebabkan masalah pernafasan dan gangguan kualiti hidup. Walaupun telah mendapat perhatian media, tiada langkah konkrit diambil untuk mengurangkan impak pencemaran yang dihasilkan oleh kilang padi ini, menjadikan penduduk terus terdedah kepada bahaya tersebut.	
9.	Bekalan air sering terputus dan tekanan air perlahan	Isu bekalan air amat ketara di taman perumahan. Sewaktu perayaan besar seperti Hari Raya Puasa umpamanya, jumlah penduduk yang ramai menyebabkan air di kawasan taman menjadi amat perlahan sehingga menjejaskan aktiviti harian mereka. Jika sesebuah rumah tidak mempunyai pam air, mereka mengalami terputus bekalan air berhari-hari. (Taman Perumahan di Kuala Sala)	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
10.	Kesukaran kewangan dan tekanan ekonomi	Kos sara hidup tinggi, kenaikan harga barang mentah. Sebahagian peserta terdiri dari golongan peniaga kecil menyatakan hasil pendapatan mereka menurun berpunca dari kenaikan kos	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>bahan mentah yang menelan kadar keuntungan jualan mereka manakala dari segi kos sara hidup pula contohnya minyak masak bersubsidi hanya dibenarkan maksimum 2 paket sahaja seorang dan sudah tentu tidak mencukupi. Pengguna terpaksa membeli minyak masak botol yang lebih mahal. Masalah ini berlarutan semenjak selepas COVID-19 di mana kos sara hidup yang tinggi juga telah mengurangkan kuasa beli di kalangan penduduk. (Kg Kuala Sala)</p>	
11.	Konflik dengan warganegara asing	<p>Penghijrahan besar-besaran pada 80an oleh warga asing Myanmar ke Kuala Kedah sehingga kini telah banyak menimbulkan ketidakpuasan hati penduduk asal Melayu Kedah kerana kebanyakan bantuan-bantuan kerajaan banyak diterima mereka berbanding penduduk asal. (Kg Seberang Jaya, kg Kuala Sala)</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kota Sarang Semut, Kg Banggol Wan Awang & Kg Wan Ismail			Agensi yang memberikan respon: 1. Pegawai daerah
Tarikh: 12 Januari 2025 (Ahad) Bilangan peserta: 14 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			
1.	Kurang pembangunan untuk belia	Kurangnya kepelbagaian peluang pekerjaan. Belia menghadapi kekurangan peluang pekerjaan di kawasan kampung, yang menyebabkan banyak daripada mereka sukar untuk mencari pekerjaan yang stabil. Walaupun ada keinginan untuk mencari pekerjaan di luar kampung, mereka terpaksa mengutamakan tanggungjawab terhadap keluarga dan tidak dapat meninggalkan kampung mereka. Akibatnya, mereka lebih selesa tinggal di kampung dan bekerja dengan apa yang ada, meskipun peluang untuk meningkatkan taraf hidup dan kerjaya agak terbatas. Keadaan ini memberi kesan kepada mobiliti sosial dan kemajuan ekonomi belia di kawasan ini, yang memerlukan sokongan dan peluang yang lebih baik untuk berkembang.	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>
		Kurangnya minat terhadap pendidikan. Belia di kawasan ini menunjukkan kurang minat untuk meneruskan pelajaran, dengan sebahagian	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>daripada mereka berhenti belajar pada peringkat Tingkatan 2. Pandangan yang berkembang dalam kalangan mereka adalah bahawa pendidikan setakat SPM sudah mencukupi untuk menghadapi cabaran dunia hari ini.</p> <p>Mereka merasakan bahawa kemahiran praktikal dan pengalaman kerja lebih penting daripada melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kesedaran tentang pentingnya pendidikan lanjut dan peluang yang lebih luas yang boleh dicapai dengan kelulusan yang lebih tinggi, serta cabaran ekonomi yang dihadapi oleh keluarga mereka.</p> <p>Faktor ini sering kali disebabkan oleh kekurangan motivasi atau peluang yang terhad untuk melanjutkan pelajaran. Meskipun begitu, ibu bapa mereka masih memberikan sokongan, walaupun kadangkala terpaksa berhadapan dengan cabaran kewangan dan situasi ekonomi yang membataskan kemampuan mereka untuk menyokong pendidikan anak-anak. Walaupun sokongan daripada ibu bapa</p>	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>ada, kurangnya minat untuk belajar dan peluang pendidikan yang terbatas menyebabkan ramai belia di kawasan ini tidak mencapai potensi penuh mereka.</p> <p>Selepas COVID-19, banyak belia di kawasan ini mula lebih serius dalam memikirkan tentang kerjaya dan masa depan mereka. Pandemik yang memberi kesan besar kepada ekonomi dan kehidupan seharian telah mengubah perspektif belia, di mana mereka kini lebih mementingkan kestabilan kewangan dan peluang pekerjaan.</p> <p>Mereka juga lebih berminat untuk memperbaiki kemahiran mereka melalui kursus atau latihan, sebagai persediaan. Kursus yang mereka berminat adalah kemahiran mekanikal.</p>	
2.	Pendatang telah menyebabkan ketegangan sosial penduduk tempatan	Kehadiran warga asing yang ramai bekerja di kawasan ini telah menyebabkan kesukaran bagi warga tempatan, terutamanya golongan lelaki, untuk mendapatkan pekerjaan. Majikan lebih cenderung untuk mengambil pekerja asing kerana mereka bersedia menerima gaji yang lebih rendah dan lebih fleksibel dalam melaksanakan pelbagai	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>jenis kerja. Hal ini menyebabkan peluang pekerjaan untuk golongan lelaki tempatan menjadi terhad, kerana mereka sering kali meminta upah yang lebih tinggi dan mungkin lebih memilih pekerjaan yang lebih spesifik. Keadaan ini menjadi cabaran kepada penduduk untuk bersaing mendapatkan pekerjaan kerana majikan lebih memilih pekerja asing kerana kos yang lebih rendah.</p>	
3.	<p>Tekanan kewangan Racun subsidi tidak berkesan, kos racun semakin mahal dan perlu beli sendiri</p>	<p>Kos input (benih, racun, baja meningkat). Kenaikan kos input bermula semenjak dari beberapa musim lepas bertitik tolak dari kenaikan harga jualan padi yang tinggi. Namun apabila harga jualan padi menurun, kos input terlibat tidak pula ikut menurun. Hal ini menyebabkan golongan pesawah tertekan dihipit masalah kos pertanian yang meningkat sedangkan hasil jualan padi tidak mencukupi. Kadang kala pesawah hanya menerima pendapatan sekitar RM15 sebulan sahaja setelah ditolak kos-kos input ini. (Kg Banggol Wan Awang & Kg Wan Ismail)</p> <p>Isu paling utama di kawasan kampung ini adalah berkaitan pertanian sawah padi yang majoriti penduduk kampung terlibat. Racun umpamanya</p>	<p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>menjadi masalah utama kerana keperluannya berbeza-beza setiap musim. Difahamkan, racun-racun dibekalkan oleh syarikat pembekal racun melalui MADA tidak berkualiti dan kurang berkesan membunuh rumpai. Pesawah terpaksa membeli racun tambahan apabila racun bersubsidi tidak berkesan. Menjadi persoalan pesawah adalah, meskipun jenama racun adalah sama namun kualiti berbeza-beza. Contoh tambahan, kos racun yang tinggi berpunca kerana perlu banyak dibeli seperti racun siput gondang, racun tikus, racun ulat daun padi, racun kulat, racun bena dan sebagainya yang dianggarkan menelan kos sekitar RM300 ke RM400 satu musim. (Kg Banggol Wan Awang & Kg Wan Ismail)</p>	
4.	Pinjaman yang tersedia digandakan dengan bunga (interest)	<p>Selain dari institusi perbankan, terdapat agensi-agensi kecil lain seperti Pertubuhan Peladang Kawasan(PPK), Bernas atau koperasi tertentu menyediakan bantuan pinjaman kewangan kepada petani yang susah namun yang menjadi masalah apabila petani dikenakan bunga/faedah "interest" atas pinjaman mereka. Sebagai contoh pinjaman daripada PPK untuk 1 relung adalah RM800 dan jika ingin meminjam, syarat wajib perlu dipenuhi</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		adalah menjadi ahli dan bersetuju dikenakan bayaran faedah.	
5.	Ancaman banjir (Kejadian banjir di kawasan rendah)	Kejadian banjir ada berlaku di kawasan berdekatan tetapi lebih terkesan ialah kawasan yang rendah sahaja. Banjir berlaku apabila berlakunya hujan dan air laut pasang serentak. (Kg Banggol Wan Awang & Kg Wan Ismail)	Sistem perparitan sedia ada di Kuala Kedah adalah usang dan memerlukan penilaian semula melalui kajian khusus. Walaupun terdapat banyak taman perumahan baharu, sistem perparitan yang digunakan masih bergantung kepada rangkaian lama tanpa peningkatan atau pembaharuan yang signifikan. Pendekatan ini berpotensi menimbulkan masalah kepada penduduk setempat. (Tuan Pegawai Daerah)
6.	Masalah infrastruktur dan kemudahan awam Jumlah lampu jalan kurang dan kurang penyelenggaraan Paip pecah dan terputus bekalan air.	Jumlah lampu jalan di kawasan kampung masih kurang cukup dan terdapat juga lampu-lampu jalan yang tidak diselenggara dengan baik oleh pihak berwajib. Pemberian atau pemasangan lampu pula dilakukan sedikit demi sedikit sahaja. Isu air bertumpu kepada kejadian paip pecah yang berlaku agak kerap kerana usia paip yang sudah lama. Kadangkala penduduk tidak diberikan notis awal jika ada kerja-kerja menaiktaraf dilakukan lalu menyebabkan mereka tidak sempat menyimpan air terlebih dahulu. Hal ini secara tidak langsung mengganggu aktiviti harian penduduk.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan peluang kemahiran dan platform untuk promosikan produk hiliran

Pengutamaan isu pertama ialah dalam memperkasakan ekonomi penduduk setempat yang memiliki kemahiran untuk meningkatkan produktiviti penjualan kecil-kecilan adalah penting, namun terdapat kekurangan platform yang berkesan untuk mempertingkatkan promosi produk mereka. Hal ini menyebabkan potensi pasarannya tidak dapat dimaksimumkan, meskipun terdapat sumber daya manusia yang terampil dalam kalangan penduduk setempat. Tanpa akses kepada saluran pemasaran yang lebih luas dan kemudahan untuk memperkenalkan produk mereka kepada khalayak yang lebih besar, usaha-usaha peningkatan produktiviti ini berdepan dengan halangan yang ketara dalam mencapai kemampanan ekonomi. Oleh itu, penyediaan platform yang sesuai untuk promosi produk dan perkhidmatan adalah kritikal bagi merangsang pertumbuhan ekonomi mikro di kalangan komuniti tempatan.

Isu kekurangan kemahiran dan platform untuk mempromosikan produk di kalangan penduduk setempat amat kritikal dalam usaha memperkasakan ekonomi mikro di kawasan tertentu. Meskipun ramai penduduk memiliki kemahiran yang tinggi dalam bidang tertentu, mereka sering menghadapi kesukaran dalam mengakses platform pemasaran yang berkesan untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan mereka. Hal ini memberi kesan langsung kepada produktiviti dan keupayaan mereka untuk bersaing dalam pasaran yang lebih luas.

Komuniti di DUN Anak Bukit mahir membuat ikan pekasam dan ia boleh dipromosikan dengan lebih luas untuk pasarkan produk makanan tersebut.



Rajah 1: Ikan Pekasam

Kekurangan platform pemasaran ini merujuk kepada kurangnya saluran yang dapat memperkenalkan produk mereka kepada audiens yang lebih besar. Tanpa akses kepada

kemahiran yang strategik atau pameran yang berkesan, produk tempatan sering kali tersekat dalam pasaran yang sempit dan tidak dapat bersaing dengan produk luar. Selain itu, kekurangan pengetahuan mengenai strategi pemasaran digital dan teknologi terkini juga menghalang penduduk daripada memanfaatkan peluang pasaran global.

Di samping itu, kemahiran dalam pengurusan perniagaan, reka bentuk produk, serta penghasilan kandungan promosi yang menarik juga menjadi faktor penyumbang kepada isu ini. Walaupun penduduk setempat memiliki kemahiran dalam penghasilan produk, ketidaktahuan mengenai cara memasarkan produk dengan berkesan menyebabkan usaha-usaha mereka kurang mencapai impak yang diinginkan. Tanpa sokongan dalam bentuk latihan dan platform yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran pemasaran, peluang untuk mempromosikan dan meningkatkan jualan produk mereka akan terhad.

Penyediaan platform yang lebih berkesan dan menyeluruh untuk mempromosikan produk, disertai dengan latihan kemahiran pemasaran, adalah kunci untuk merangsang pertumbuhan ekonomi setempat. Platform ini bukan sahaja perlu memberikan akses kepada pasaran yang lebih luas, tetapi juga perlu membantu penduduk dalam membina dan memperkenalkan jenama produk mereka secara lebih profesional dan menarik. Selain itu, kemudahan untuk menjalankan perniagaan secara dalam talian perlu diperkenalkan bagi memudahkan transaksi dan pengurusan jualan. Keseluruhannya, mengatasi isu kekurangan platform ini adalah langkah utama dalam membangunkan ekonomi mikro yang mampan di kalangan komuniti setempat.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penduduk setempat mahir dalam menghasilkan produk, seperti ikan pekasam, tetapi menghadapi kekurangan platform untuk promosi yang lebih luas. 2. Kekurangan saluran pemasaran menyebabkan produk tempatan terhad dalam pasaran sempit dan sukar bersaing dengan produk luar. 3. Kurangnya kemahiran dalam strategi pemasaran digital dan penggunaan teknologi menghalang akses ke pasaran global. 4. Ketidaktahuan dalam pengurusan perniagaan dan penghasilan kandungan promosi turut menyekat pertumbuhan ekonomi komuniti.
---	---

	5. Penyediaan platform pemasaran dan latihan kemahiran yang berkesan diperlukan untuk meningkatkan daya saing produk tempatan.
Cadangan Penyelesaian	Membuat kursus kemahiran produk hiliran
Kumpulan Terjejas	Wanita, nelayan
Kawasan	Komuniti DUN Anak Bukit / Alor Madi

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA

SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	<p><i>Sasaran 8.3:</i> Menggalakkan pembangunan ekonomi inklusif melalui sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana serta perniagaan mikro, termasuk akses kepada platform pasaran.</p> <p><i>Sasaran 8.6:</i> Menambah peluang untuk pekerjaan bermaruah melalui peningkatan kemahiran penduduk setempat.</p>
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	<p><i>Sasaran 9.3:</i> Meningkatkan akses perusahaan kecil dan sederhana kepada pasaran dan teknologi moden.</p> <p><i>Sasaran 9.b:</i> Menyokong pembangunan teknologi serta inovasi tempatan.</p>
SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan yang Bertanggungjawab	<p><i>Sasaran 12.3:</i> Mengurangkan pembaziran produk dan memperkukuh rantai nilai makanan.</p> <p><i>Sasaran 12.a:</i> Menggalakkan penyertaan komuniti tempatan dalam aktiviti ekonomi berasaskan produk makanan tradisional.</p>
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	<p><i>Sasaran 4.4:</i> Memastikan penduduk mendapat kemahiran teknikal dan vokasional termasuk pemasaran digital untuk meningkatkan peluang ekonomi.</p>
SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat	<p><i>Sasaran 17.16:</i> Menggalakkan kerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan platform promosi dan latihan kemahiran.</p>

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Memperkasa Wanita Belia dengan Strategi Kursus dan Sokongan untuk Peningkatan Ekonomi

Masalah yang dikenal pasti ialah kurangnya tumpuan khusus kepada golongan wanita belia dalam usaha memperkasakan ekonomi setempat. Walaupun terdapat potensi besar dalam kalangan mereka, kekurangan platform dan sokongan berstruktur menyukarkan mereka untuk memanfaatkan sepenuhnya kemahiran yang dimiliki. Langkah strategik yang dicadangkan ialah dengan mengumpulkan wanita-wanita belia ini melalui kursus latihan dan pembangunan kapasiti. Kursus tersebut harus merangkumi aspek kemahiran teknikal, pemasaran digital, serta strategi perniagaan kecil yang efektif. Selain itu, penting untuk menyediakan mekanisme sokongan seperti penubuhan koperasi atau platform jualan bersepadu bagi memastikan mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh secara produktif. Ini akan membantu wanita belia bukan sahaja meningkatkan pendapatan tetapi juga membina keyakinan dalam dunia keusahawanan yang semakin kompetitif.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kurangnya tumpuan khusus kepada golongan wanita belia dalam usaha memperkasakan ekonomi setempat, meskipun mereka memiliki potensi besar. 2. Kekurangan platform dan sokongan berstruktur menyukarkan wanita belia untuk memanfaatkan sepenuhnya kemahiran yang dimiliki. 3. Langkah strategik yang dicadangkan adalah melalui kursus latihan yang merangkumi kemahiran teknikal, pemasaran digital, dan strategi perniagaan kecil yang efektif. 4. Keperluan penyediaan mekanisme sokongan seperti koperasi atau platform jualan bersepadu bagi memastikan ilmu yang diperoleh dapat diaplikasikan secara produktif.
Cadangan Penyelesaian	Membuat kursus kemahiran makanan
Kumpulan Terjejas	Belia Wanita, B40
Kawasan	DUN Pengkalan Kundor
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan

SDG 5: Kesaksamaan Jantina	Sasaran 5.5: Memastikan penyertaan penuh dan berkesan serta peluang yang sama untuk wanita dalam semua peringkat kepimpinan dalam kehidupan politik, ekonomi, dan awam.
SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan aktiviti ekonomi yang inklusif, produktif, dan inovatif termasuk keusahawanan serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan memudahkan akses kepada kewangan. Sasaran 8.6: Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak mengikuti pendidikan atau latihan.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Memberi sokongan ekonomi dan sosial yang lebih inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk wanita belia.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Meningkatkan jumlah belia dan dewasa yang mempunyai kemahiran yang relevan untuk pekerjaan yang baik dan keusahawanan.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 14. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Pekasam Kuala Kedah: Tradisi Diteruskan, Ekonomi Ditingkatkan	Usahawan Bakeri Kuala Kedah: Belajar Membuat Kek dan Pastri	Transformasi Ekonomi Komuniti Penternakan Ikan Keli
SDG Berkaitan	SDG 1, 8, 12, 17	SDG 1, 4, 8, 17	SDG 1, 8, 10
Objektif	Memperkasakan komuniti luar bandar melalui pemprosesan dan pemasaran pekasam	Memberi latihan kemahiran kek dan pastri serta asas pengurusan perniagaan kepada komuniti B40	Meningkatkan produktiviti ternakan ikan keli melalui pengurusan air dan kesihatan ikan yang lebih baik
Hasil Jangkaan	13 peserta aktif, 80% menjana pendapatan tambahan, penubuhan jenama komuniti	13 peserta menerima sijil, 60% memulakan perniagaan atau mendapat pekerjaan	Kolam ternakan berfungsi, kadar kematian ikan berkurang, pendapatan peserta meningkat
Organisasi	Pertubuhan Kuala Kedah Prihatin	Persatuan Sri Kifayah	Pelangi Impian Enterprise
Aktiviti	Bengkel pekasam, latihan keusahawanan, pemasaran digital, pengurusan sisa	Bengkel kek & pastri, latihan kewangan, pemasaran digital, pameran produk	Pembinaan kolam, pemasangan sistem penapisan, latihan keusahawanan, pemantauan kesihatan ikan
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000
Lokasi	Kampung Alor Madi, DUN Anak Bukit, Alor Setar, Kedah	Kampung Teluk Talipon, DUN Kubang Rotan, Alor Setar, Kedah	Kampung Banggol Wan Awang, DUN Pengkalan Kundor, Alor Setar, Kedah
Tempoh	4 Bulan (Mei – Ogos 2025)	3 Bulan (Mei – Julai 2025)	Bulan (Mei – Ogos 2025)

6.0 RUJUKAN

Ahmad, M. Z., Ibrahim, J. A., & Mohd Salleh, H. (2008). *Membangunkan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari.*

Fakhrurazi, A. F. (2023, March 20). *Pembangunan sektor akuakultur di Kuala Kedah.* Harakah Daily. <https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/20/pembangunan-sektor-akuakultur-di-kuala-kedah/>

Muhammad Razak, M., & Yusoff, M. M. (2018). *Membangunkan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari.* Academia.edu. https://www.academia.edu/35489449/Membangunkan_Kuala_Kedah_sebagai_Destinas_i_Pelancongan_Warisan_Penerapan_Konsep_Pembangunan_Pelancongan_Lestari

Pembangunan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan yang menyumbang kepada ekonomi setempat. (n.d.). *Berita PAS.* <https://berita.pas.org.my/pelancongan-di-kuala-kedah/>

RTM. (2023, June 2). *Projek Pembangunan Bandar Maritim di Kuala Kedah perlu jaga kepentingan nelayan tempatan.* Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/projek-pembangunan-bandar-maritim-di-kuala-kedah-perlu-jaga-kepentingan-nelayan-tempatan>



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>